Pelita Brunei

17 APRIL, 1985

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

# BELIA SEBAGAI SUMBER TENAGA YANG SANGAT BERGUNA

TEMA Hari Kesihatan Sedunia anjuran Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang disambut minggu lepas ialah 'Belia Sihat — Sumber Kita Yang Sangat Berguna.' Tema tersebut difahamkan bertujuan memberi perhatian kepada kesejahteraan golongan belia sebagai penduduk dunia dengan mengiktiraf potensi peranan yang dapat mereka mainkan pada masa ini dan peranan selaku generasi penyambung di masa hadapan.

Bagi kita di Negara Brunei Darussalam kedudukan belia selaku sumber yang berguna itu lebih ketara dapat dilihat dari hakikat bahawa mereka merupakan sebilangan besar penduduk. Kira-kira tiga suku dari keseluruhan penduduk tanahair adalah terdiri dari mereka yang dalam lingkungan umur 24 tahun ke bawah. Ini dengan sendirinya menjadikan mereka sebagai faktor yang wajar diperhitungkan dalam setiap perancangan untuk masa depan.

Berbanding dengan kebanyakan negara lain kita agak bernasib baik tidak mengalami masalah-masalah belia yang sukar diatasi. Kemantapan ekonomi negara serta nilai-nilai sosial kita yang berteraskan kepada pegangan berugama ternyata besar pengaruhnya dalam hal ini. Tetapi itu tidak bermakna kita tidak menghadapi seberang cabaran. Cabaran yang utama ialah usaha manfaatkan tenaga belia yang ada pada masa ini bagi tujuan-tujuan pembangunan bangsa dan seterusnya usaha menyediakan belia yang mempunyai komitmen yang berterusan kepada aspirasi sebenar negara yang mereka warisi pada masa hadapan.

Dari segi kesejahteraan belia-belia, setakat ini perangkaan menunjukkan bahawa kadar kematian yang disebabkan oleh suatu penyakit di kalangan belia adalah rendah. Ini dimungkinkan oleh adanya perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang baik yang mampu diberikan oleh negara kita. Tetapi masalah yang dihadapi ternyata berbangkit dari sudut lain, kemalangan jalanraya dan lain-lain kemalangan serta penyakit yang berpunca dari penyalahan gunaan dadah telah didapati semakin meningkat di kalangan belia-belia kita. Maka ini memberikan ingtan betapa tarap kesihatan dan perubatan yang baik sahaja tidak sepenuhnya menjamin kawalan dan pencegahan penyakit, tambahan jika ia penyakit sosial.

Kerana itu sudah sewajarnya kita membuat pendekatan yang menyeluruh. Dan alhamdulillah, sistem pelajaran kita sekarang memberi perhatian kepada tujuan-tujuan mengasuh dan mendorongkan penuntut yang sebahagiannya adalah belia-belia bagi mereka itu menyalurkan tenaga dan bakat masing-masing ke arah kegiatan yang bermanfaat.

Kita përcaya tujuan seumpama ini dalam makna pendekatan yang menyeluruh ke atas masalah-masalah belia khasnya dan penduduk-penduduk umumnya tentu sahaja disertai dan diikuti oleh lain-lain sektor sosial di peringkat rasmi dan tidak rasmi. Kesemua ini mestilah merupakan pendekatan yang seragam dalam kita mengiktiraf kepentingan belia yang merupakan tenaga potensi di masa depan, selain menfaatkan tenaga mereka dalam pembangunan bangsa di masa ini.

# PERSATUAN-PERSATUAN GIAT SEMARAKKAN SYIAR ISLAM

Oleh Zubaidah HS
Gambar-gambar oleh Ak. Bahar PHO.

PENYERTAAN persatuan-persatuan belia, pertubuhan-pertubuhan badan-badan kebajikan lain di negara ini dalam menyemarakkan dan meningkatkan syiar Islam amatlah ketara sekali dewasa ini. Kegiatan-kegiatan yang dilakukan itu selaras dengan konsep negara Melayu Islam Beraja.

Pada minggu lalu Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei (WI) telah mengambil inisiatif dengan mengadakan pertandingan membaca ayat-ayat suci Al-Quran sebagai menyambut kedatangan kurun ke-15 Hijrah di samping bertujuan untuk menerapkan pembelajaran dan amalan membaca Al-Quran di kalangan ahli-ahli pertubuhan tersebut dan kaum wanita amnya.

Tema yang dipilih bagi pertandingan membaca ayat-ayat suci Al-Quran itu yang berbunyi "Amalan Al-Quran Adalah Kesempurnaan Hidup Bagi Wanita Islam" adalah amat bersesuaian dengan kegiatan pertubuhan tersebut pada menganjurkan peraduan membaca Al-Quran pada hari itu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah dijunjung bagi menyempurnakan pembukaan rasmi pertandingan yang berlangsung di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di sini. Baginda diiringi bersama oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Ruhaizah.

Johan dalam pertandingan tersebut ialah Dayang Taibah binti Kudi, yang mewakili Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei (WI) cawangan Muara. Beliau menerima piala pusingan, hadiah-hadiah iringan yang berupa sebuah Al-Quran. Disamping itu beliau juga menerima tiket pergi balik beserta bank draf selengkapnya bagi menunaikan fardu haji ke Mekah.

Pemenang kedua dan ketiga iaitu Dayang Hajjah Maimunah binti Haji Metassim dan Dayang Hamidah binti Haji Abd. Latif dari cawangan WI Brunei masing-masing memperolehi markah 79 peratus juga menerima hadiah-hadiah iringan dan sebuah Al-Quran daripada pertubuhan WI.

Pertandingan yang merupakan aktiviti tahunan Pertubuhan WI Brunei, setakat ini telah berjaya menghantar beberapa orang ahlinya menunaikan fardu haji melalui pertandingan tersebut.

Di samping peraduan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, majlis hari itu juga diserikan dengan syarahan khas yang bertajuk "Kaum Wanita Islam Dengan Ibadah Sembahyang" yang disampaikan oleh Yang Berbahagia Datin Hajjah Maznah binti Haji Mohammad.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika diperkenalkan kepada sebahagian ahli-ahli Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei (WI) (gambar kanan).



BERANGKAT bersama-sama Baginda di majlis Musabaqah Membaca Al-Quran anjuran WI ialah YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, YAM Pengiran Bini Ruhaizah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah (gambar bawah).



JOHAN Musabaqah Membaca Al-Quran WI, Dayang Taibah binti Kudi.

# Abd Ghani dan Maimunah Johan Musabaqah Pasukan Polis

GADONG. — Majlis Musbaqah membaca ayat-ayat suci Al-Quran antara cawangan Polis Diraja Brunei kali ke-9 telah berlangsung di Dewan Stadium Hassanal Bolkiah pada Ahad lepas.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, Pesuruhjaya Polis dan Datin Suraya binti Haji Harun yang kemudiannya telah menyampaikan hadiah kepada peserta-peserta.

Acara bermula dengan ucapan alu-aluan dari Pengerusi Pertandingan, Dato Haji Yaakub bin PMDR Dato Haji Zainal, Penolong Pesuruhjaya Polis.

Seramai 5 orang qari turut bertanding, johan ialah PC 599 Abd Ghani bin Mat Noor dari cawangan 'A', sementara naib johan ialah CPI 330 Bujang bin Haji Ahmad dari Cawangan 'B' dan tempat ketiga ialah PC 1557 Pengiran Aliuddin bin Pengiran Damit dari Cawangan 'E'.

Sementara bahagian qariah johan ialah Dayang Maimunah binti Haji Puteh dari Cawangan 'E', naib johan Dayang Noridah binti Haji Zainal dari Cawangan 'A', dan tempat ketiga ialah Dayang Maskata dari Cawangan 'B'.

Pemenang Cawangan Terbaik pada tahun ini ialah dari Cawangan 'E' sementara johan qari dan qariah akan mewakilkan Pasukan Polis Diraja Brunei ke Pertandingan Antara Jabatan-Jabatan Kerajaan Beruniform yang dijangka akan berlangsung bulan Mei depan.

Lebih dari 200 orang hadir di majlis tersebut termasuk pegawai-pegawai kanan Polis Diraja Brunei. Majlis tersebut juga telah diserikan dengan persembahan beberapa buah lagu dakwah oleh anggota-anggota Polis Diraja Brunei yang diiringi oleh Pancaragam Polis Diraja Brunei.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.... Siri ke-273

# PUAK BATINIYYAH



DALAM siri-siri berikut akan dimuatkan dengan suatu kajian yang panjang lebar dalam kedudukan puak-puak Batiniyyah atau apa yang dikatakan orang sebelah sini ajaran sesat, Puak Batiniyyah itu adalah puak yang kafir, tiada ada mereka dalam ugama Islam, mereka menafikan kewujudan Allah, menafikan baharunya alam, menafikan adanya nabi-nabi Allah, kitab-kitab Allah, rasul-rasul Allah, dan menafikan kebangkitan manusia pada hari kiamat dan hari yang kemudian, mereka menghalalkan segala tegahan Allah dan larangan Allah, mereka mengharapkan apa jua suruhan Allah Taala. Inilah dasar aktikad dan perbuatan dan kelakuan mereka.

Hendaklah orang Islam sama ada orang perseorangan atau kumpulan jangan mendekati Puak Batiniyyah ini supaya mereka tiada terjerat dalam jaringan dan perangkap mereka yang licin dan halus itu.

Kenapa puak Batiniyyah berbuat begitu? Ialah kerana bencikan ugama Islam yang maju, yang bersih, yang bersesuaian dengan tabiat manusia dan akal fikiran manusia yang waras dan siuman. Yang membawa kebaikan hidup dunia dan akhirat, bagaimana termaklum kepada orang-orang Islam.

Jika ada kumpulan-kumpulan, ada orang-orang, ada kaum-kaum, ada ahli-ahli siasah dan lain-lain menggunakan Puak Batiniyyah, Puak Qadiyaniyyah dan Puak Bahaiyyah dan Puak Majusiyyah, bagi menahan kemaraan Islam, yang terang benderang ajarannya dan baik kesannya kepada penganut-penganutnya, dan kuat pengaruh semangat yang diberikannya kepada pengikut-pengikutnya daripada orang-orang Islam pada menentang syirik dan kufur dan melawan kejahatan. Keburukan dan lucah dan sebagainya dari perkara-perkara yang biasa berlaku pada umat-umatnya yang bukan Islam pada masa dulu dan sekarang.

Juga digunakan puak-puak sesat dan kufur bagi menjaga maslahat dan hidup mereka, kerana di dalam negeri-negeri Islam, adalah sumber kekayaan dan kemakmuran dan kekuatan iktisad, dari makanan, bahan-bahan, sumber tenaga bagi kesempurnaan hidup dalam dunia yang moden ini.

Hendaklah orang-orang Islam faham akan keadaan ini, supaya selamat ugama mereka, di negeri mereka, hidup mereka dalam dunia bekalan bagi akhirat itu.

Di bawah ini saya bawakan kata-kata ulama dalam kitab-kitab berhubung dengan Puak Batiniyyah atau puak sesat, supaya mereka mempertahankan apa yang ada pada mereka, Wallahu Waliyyut Taufiqi Walhidayati Wali'anah (Dan Allahlah yang memberi taufiq dan petunjuk dan pertolongan).

Manakala cahaya Islam memancar di muka bumi, dan pintu hati pun mendapat sinarannya, manusia mula masuk dalam ugama Allah dengan berpuak-puak satu lepas satu, dan mereka membuang ugama yang batil dan kufur itu di belakang, sehingga tercapai oleh umat Islam akan berbagai-bagai kemuliaan dan kesempurnaan bagaimana diketahui oleh orang yang mengetahui, akan tetapi pemimpin-pemimpin yang berasa kecewa di hadapan kemajuan ugama Islam itu, daripada golongan orang-orang menyembah berhala dan orang-orang Sabien yang menyembah binatang-binatang pada batinnya, berugama Nasrani dan Kristian pada zahirnya dan orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasrani dan orang-orang Majusi menyembah api, menaruh kemarahan, dendam dan sakit hati dalam jiwa mereka, lalu mereka merancang berbagai-bagai angkara dan kejahatan di atas kemaraan cahaya ugama Islam itu.

Manakala mereka telah dapati bahawa diri mereka tiada ada daya upaya menentang perkembangan Islam itu dengan membuat hunar dan pesona, maka mereka mencari suatu jalan tipu helah bagi sampai pada tujuan mereka, lalu mereka berpura-pura bergaul dengan umat Islam dengan bertopengkan warak yang palsu dan berbuat berbagai-bagi rupa pesona dan fitnah di kalangan sahabat dan Tabi'en dan lapisan-lapisan yang datang kemudian daripada sahabat dan Tabien itu, sehingga berbangkit pesona dan fitnah berdarah ke atas Ahlil Bait Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Radhiallahu 'Anhum, kemudian orang-orang itu berpura-pura menunjukkan sedih dan bersempati dengan keluarga Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan orang-orang itu berpura-pura berpihak kepada Ahlil Bait Radhiallahu Anhum (keluarga Rasulullah) dan mengajak orang ramai kepada pihak Ahlil Bait itu, dan orang-orang itu ketahui bahawa dengan jalan yang demikian itu, mereka dapat peluang memarakkan api fitnah dan huru-hara, supaya orang-orang Islam berhenti dan gagal dari menyiarkan kelebihan ajaran Islam dan dari membasmikan segala kejahatan dan keburukan dan dari maju dalam segala perkara iaitu orang-orang itu membangkitkan segala dendam hati dan menggalakkan umat Islam menyokong Ahlil Bait 'Alaihimus Salam, supaya urat saraf umat Islam meluap panas dan berasa sedih dan dukacita di atas pertumpahan darah Ahlil Bait yang ditimpakan oleh keganasan Kerajaan Bani Umayyah dan Bani Abbas, dengan zalim dan aniaya, kerana pihak-pihak berkuasa itu takut di atas kedudukan mereka dan manakala bangkit seruan berpihak kepada Ahlil Bait dari satu masa ke satu masa, maka pihak-pihak berkuasa itu menimpakan ke atas Ahlil Bait Alaihimus Salam dengan berbagai-bagai kezaliman dengan tiada pandang dan memandang di atas kemuliaan kedudukan Ahlil Bait itu kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan kepada umat Islam.

Ahlil Bait pula tidak dapat berdiam diri dan menerima segala kezaliman yang datang dari keganasan pelampau-pelampau Ahli Siasah (Politik) dari pihak Bani Umayyah dan Bani Abbas dan mereka melawan keganasan Ahli Siasah itu sama ada dengan terang-terang atau dengan bersulit-sulit. Maka umat Islam pula telah menjadi dua pihak satu pihak berpihak kepada Ahlil Bait dan satu pihak berpihak kepada Siasah itu, sama ada mahu atau tiada mahu. Begitulah fitnah di antara mereka menjadi-jadi dan keadaan bertambah-tambah buruk dan inilah tujuan, tiada lain dan tiada bukan, oleh pihak-pihak yang dendam hendak merubah ugama Islam dan Umat Islam.

(Bersambung)

# PENYERAPAN NILAI ISLAM DI KALANGAN TENTERA TIDAK ADA MASALAH

Oleh Johari HAL

BERAKAS. — Segala tradisi-tradisi dan amalan-amalan yang bukan bersifat keBruneian dan menyalahi ugama Islam dalam majlis-majlis perayaan ataupun apa jua sambutan yang tidak secucuk dengan keadaan kita sekarang patutlah diubah dan disesuaikan dengan kehendak aspirasi negara dan ugama.

"Perubahan-perubahan yang akan dibuat hendaklah jangan menggugat sifat-sifat ketangkasan dan keperwiraan sebagai sebuah angkatan bersenjata," terangnya.

Apa yang penting, katanya, amalan-amalan dan perbuatan-perbuatan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala patutlah dipraktikkan dengan meluas di semua majlis-majlis termasuk majlis persendirian.

Masalah penyerapan nilai-nilai Islam di kalangan anggota-anggota Angkatan Bersenjata tidak akan timbul lagi memandangkan hampir pada keseluruhannya pasukan tentera ini dianggotai oleh puak jati Melayu Brunei dan tiga suku daripadanya adalah penganut ugama Islam.

Demikian dijelaskan oleh YB Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam ketika merasmikan majlis musabaqah membaca ayat-ayat suci Al-Quran peringkat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Jumaat lepas.



PEGAWAI-pegawai Kanan dan anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei antara yang hadir di majlis tersebut. — Gambar oleh Harun Rashid.

Dalam usia yang menjangkau ke-24 tahun ABDB ini telah berjaya mendidik, melatih, mengasuh dan mengeluarkan pegawai-pegawai tempatan yang berugama Islam untuk menjadi pemimpin.

'Jadi tidak akan timbul kesulitan-kesulitan untuk menyerapkan nilai-nilai Islam di kalangan anggota-anggotanya sama ada di segi amalan perbuatan, tingkah laku dan sebagainya.'

Dalam keadaan sedemikian beliau menegaskan kita tidak harus menunggu arahan lagi dan kita patut mengamalkan keadaan tersebut dengan sukarela kerana perbuatan berkebajikan itu lebih senang diserapkan dan melekat di hati serta menerima ganjaran yang lebih besar.

Menurut beliau sebagai benteng pertahanan pertama negara Angkatan Bersenjata bukan sahaja perlu mempunyai latihan-latihan kecekapan, fizikal dan mental tetapi juga latihan-latihan membersihkan bersesuaian dengan sifatnya sebagai pelindung dan sentiasa terdedah kepada pelbagai dugaan.

Menyentuh tentang tema musabaqah Menghayati Al-Quran Membawa Kebahagiaan Dunia dan Akhirat beliau berkata bahawa tema tersebut wajiblah kita amalkan dan janganlah hanya dijadikan sebagai cogankata pada zahirnya tetapi hendaklah dipraktikkan dan diamalkan dengan niat semoga akan memberi petunjuk dan kesedaran.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar berucap ketika merasmikan Musabaqah Membaca Al-Quran ABDB.

Menurut Leftenan Kolonel Pengiran Dato Seri Laila Jasa Abidin bahawa 10 orang qari dan qariah itu adalah johan-johan qari dan qariah yang mewakili gabungan unit-unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

## GALAKAN

Peraduan musabaqah antara lain bertujuan ialah bagi meninggikan mutu pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan memberi seberapa galakan di samping untuk dipilih ke pertandingan musabaqah di peringkat jabatan-jabatan kerajaan berpakaian seragam, katanya.

Sementara tema musabaqah Menghayati Al-Quran Membawa Kebahagiaan Dunia dan Akhirat beliau menambah bahawa tema tersebut dipilih sangat bersesuaian, tepat dan penuh makna bagi kita umat Islam yang diperintahkan untuk menitik-beratkan fahaman kita di segi pengajaran Al-Quran dan mematuhi segala hukum-hukum Allah.

L/Kpl Mohd Said Ariffin dari Berakas Garison telah muncul sebagai johan. Naib johan jatuh kepada Sarjan Haji Salleh Haji Damit wakil dari Tentera Laut dan tempat ketiga ialah Staff Sarjan Haji Serudin bin Mohammad dari Penanjong Garison.

Sementara bahagian perempuan pula johan ialah Dayang Fatimah binti Sabtu wakil Penanjong Garison, tempat kedua disandang oleh Dayang Maimunah Haji Abd Rahim dari Tentera Laut dan tempat ketiga jatuh kepada Dayang Nik Salmah Haji Ismail 1 ABDB.

# Kejohanan Helikopter ABDB

BERAKAS. — Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan menganjurkan Kejohanan Helikopter kali yang keenam bulan depan.

Kejohanan tiga hari itu akan diadakan di Padang Stadium Berakas Garrison mulai 9 Mei dan akan dibahagikan kepada tiga peringkat.

Peringkat pertama ialah acara membetulkan haluan yang diadakan pada 9 Mei. Pada 10 Mei akan diadakan acara penerbangan yang baik.

Kemuncak acara kejohanan itu ialah 'International Day' yang akan diadakan pada 11 Mei di mana lima buah pasukan luar negeri akan mengambil bahagian dalam acara itu.





LAPANGAN Terbang Antarabangsa Berakas akan mempunyai wajah baru (seperti kelihatan dalam gambar yang diambil dalam bentuk model) apabila ianya siap dalam bulan Oktober depan (atas). Sementara gambar kanan ialah Bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas sebelum kerja-kerja pengubahan-suaian dilaksanakan.

## Bangunan terminal baru:

# DIHASRATKAN BAGI MENAMPUNG KEPERLUAN TAHUN 2000

Oleh Jaafar Ibrahim
Gambar-gambar oleh Ak. Bahar PHO

PERHUBUNGAN udara memainkan peranan yang amat penting dalam memesatkan pertumbuhan ekonomi negara. Kepentingannya sehingga kini tidak dapat lagi disangkal telah memberikan manfaat yang besar kepada negara di samping perhubungan laut melalui Pelabuhan Air Dalam Muara.

Brunei Darussalam sejak tahun 1940 lagi telah membina lapangan terbang yang terletak di Jalan Berakas (kini telah menjadi tempat bangunan-bangunan Kerajaan). Semenjak tahun itulah Negara Brunei Darussalam terus-menerus berusaha bagi meningkatkan mutu perhubungan udaranya.

Dalam tahun 1974, negara kita sekali lagi mencipta sejarahnya dengan pembukaan rasmi Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas yang memakan belanja $65.5 juta. Lapangan terbang sedemikian telah membuka era baru dalam perhubungan udara antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara luar. Ianya bukan sahaja mempunyai berbagai-bagai kemudahan yang sofistikated tetapi yang penting ianya dapat membantu usaha pada memesatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara kita.

Oleh kerana keupayaan dan kemampuan Lapangan Terbang yang ada sekarang tidak dapat menampung kehendak-kehendak yang semakin mencabar dan bertambah, maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berusaha pada membina atau menambah keluasan bangunan di Lapangan Terbang yang ada sekarang.

### PERSEDIAAN

Pelita Brunei difahamkan bahawa penambahan itu dilaksanakan adalah sebagai persediaan bagi menerima lebih ramai lagi penumpang-penumpang keluar masuk dan juga bagi menambah kemudahan-kemudahan yang sedia terdapat di masa kini dan juga yang masih belum terdapat.

Penambahan itu diselaraskan dan disesuaikan dengan keadaan perkembangan yang kita jangkakan meningkat yang secara tidak langsung akan menambahkan lagi aliran masuk penumpang-penumpang luar negeri.

Timbalan Pengarah Penerbangan Awam, Awang Kassim bin Haji Latip berkata pada masa ini jumlah penumpang-penumpang yang datang ke negara ini dianggarkan berjumlah lebih kurang 200,000 orang setahun.

Jika perkembangan ini berterusan dan dalam jangka 15 tahun akan datang (tahun 2000) jumlah kasar penumpang-penumpang yang keluar masuk ke negara ini menjadi 1.5 juta orang.

Berasaskan dari jumlah itulah, tegas Awang Kassim Kerajaan memikirkan perlunya membesarkan lagi terminal lapangan terbang yang dikira cukup dan memadai mengendalikannya. Tegasnya ianya juga dihasratkan bagi menampung keperluan tahun 2000.

Sebuah Firma Perunding Antarabangsa iaitu Aeroport De Paris telah diamanahkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mengendalikan kerja-kerja pembinaan terminal lapangan terbang yang baru itu. Firma tersebut juga bertanggungjawab menyediakan plan dan rekabentuk projek berkenaan.

Jika kita tinjau dewasa ini, kerja-kerja pembinaan ke atas projek tersebut kini sedang rancak diselanggarakan yang mana kerja pembinaan itu telah dimulakan sejak bulan Disember tahun lalu.

### AEROBRIDGES

Satu perkara yang menarik perhatian dalam pembinaan terminal lapangan terbang itu ialah pembinaan enam buah jambatan udara (aerobridges) yang sama seperti terdapat di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, Singapura dan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, Kuala Lumpur akan dibina yang akan menghubungkan bangunan terminal dan kapal-kapal terbang yang digunakan.

Dengan adanya aerobridges, segala perkhidmatan di lapangan terbang itu akan berjalan dengan lebih licin dan akan memberikan keselesaan kepada penumpang-penumpang. Pembinaan aerobridges ini adalah merupakan satu perkembangan terbaru dalam sistem perhubungan udara di negara kita.

Kepentingan dan kemudahan untuk beribadat sentiasa dititik beratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, ke arah itulah lapangan terbang baru ini akan dilengkapkan dengan kemudahan untuk beribadat bagi orang yang berugama Islam iaitu surau dan juga restoran untuk orang-orang Islam.

### MUSTAHAK

Kemudahan surau dan restoran orang-orang Islam ini sangat mustahak diadakan selaras dengan Islam sebagai ideologi negara yang kita praktikkan dewasa ini di mana kita mahu menonjolkan kepada dunia bahawasanya kita punyai identiti sendiri.

Di samping itu ianya akan dapat memudahkan lagi para penumpang kita yang akan berangkat ke luar negeri mahupun yang akan datang ke negara ini untuk beribadat terutama sekali bersembahyang.

Kemudahan-kemudahan lain yang terdapat nanti sepertimana yang terdapat pada lapangan terbang yang bertaraf antarabangsa termasuklah restoran bagi orang yang bukan Islam, kaunter-kaunter ketibaan, pemergian, transit dan penukaran yang dapat menampung 1,000 orang penumpang. Di samping itu, lapangan terbang itu juga akan dilengkapi dengan kedai-kedai yang bebas dari cukai.

Projek yang menelan belanja $47 juta itu dijangka siap keseluruhan pembinaannya pada bulan Oktober depan (1986).

Apabila siap nanti, sudah barang tentu terminal lapangan terbang yang baru itu akan dapat lagi memainkan peranannya dengan lebih teratur dan efisien. Dan sekali gus ianya akan terus dapat mempercepat dan memperkembang pertumbuhan sosio-ekonomi negara kerana perhubungan udara seperti yang diketahui umum adalah satu-satunya perhubungan yang paling cepat sekali.

Ini juga memberikan kita satu pertanda baik betapa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil kira akan kepentingan infrastruktur perkembangan kemajuan negara ini. Dengan mempunyai kemudahan-kemudahan yang sofistikated kita penuh percaya Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas itu akan memainkan peranannya yang lebih penting dan mencabar di masa-masa depan selaras dengan perkembangan perhubungan udara antarabangsa yang semakin pesat berasaskan kemajuan sains dan teknologi.



KERJA-kerja pembinaan ke atas bangunan restoran bagi orang-orang Islam sedang rancak dalam pembinaan.



KAWASAN lapang yang terdapat dalam gambar ini menunjukkan tempat bangunan terminal baru dan juga penempatan enam buah aerobridges.

## –Shell Brunei dan Petronas

# TANDATANGANI PERJANJIAN PENYATUAN FAIRLEY-BARAM

PENYATUAN Fairley-Baram. Perjanjian-perjanjian Penjualan dan Pembelian ditanda-tangani lewat bulan lepas antara Pengarah Urusan Shell Brunei, Nico van Dijk dan Pengarah Urusan Petronas, Dato Rastam Hadi.

Upacara yang diadakan di Kuala Lumpur pada 22 Mac lepas memberi asas yang agak penting dalam menyambung perhubungan yang membina ke taraf perlaksanaan kerja. Menurut Nico van Dijk, ia adalah merupakan satu pencapaian yang penting setelah beberapa tahun bekerja keras dan mengadakan rundingan-rundingan mendalam.

Padang Minyak Fairley-Baram yang terletak di tengah-tengah sempadan Brunei-Sarawak mula mengeluarkan hasil dalam tahun 1975 dan memberikan Shell Brunei dan Shell Sarawak Berhad (SSB) bahagian samarata sebanyak 50 peratus menerusi perjanjian sementara yang lama.

Petronas kemudiannya menyuarakan rasa tidak puas hati dengan susunan-susunan sekarang di antara pihak pengendali dan berikutan dengan penentuan pembahagian saksama sementara yang diluluskan oleh Makmal Teras dalam tahun 1977, beberapa langkah telah diambil bagi merundingkan semula perjanjian serta peraturan-peraturan.

Perjanjian penyatuan yang baru ditandatangani ini membentuk semula susuNana sementara yang lepas dan dalam pada itu memberikan pengertian yang lebih terperinci. Di bawah perjanjian ini, Shell Brunei dan Petronas bersetuju agar Padang Minyak Fairley—Baram terus dikendalikan dan dipermajukan bersama dengan cekap dan setiap pihak memperolehi pembahagian hidrokarbon yang dihasilkan oleh padang ini dengan adil dan saksama.

Nico van Dijk di upacara menandatangani itu menjelaskan perlaksanaan Perjanjian Penyatuan, Penjualan Gas dan Minyak Mentah dan Pembelian adalah satu kewajipan yang nyata bagi Petronas SSB, carigali bagi merasionalisasikan penghasilan dan memajukan padang tersebut.

"Kami yakin bahawa semangat persefahaman dan usaha sama yang jelas dilihat ketika rundingan-rundingan yang diadakan baru-baru ini akan menjadi corak dan petanda bagaimana Fairley-Baram akan beroperasi," tambahnya.









## Pengurus baru


MIKE Cloughley


RENNY Shell

MIKE Cloughley kini menyerahkan jawatannya sebagai Pengurus Kejuruteraan Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad bagi memegang jawatan sementara sebagai Pengurus Perkembangan Penghasilan (PIM).

Beliau akan menjalankan pengkajian khusus ke atas perihal perkembangan penghasilan syarikat gabungan Shell Brunei dan akan meninggalkan negara ini bagi menjalankan tugasnya di SIPM di Hague. Mike adalah seorang Pengurus Projek bagi North Cormorant Projek di Shell Expro, United Kingdom.

Pengurus kejuruteraan yang baru syarikat itu sekarang ialah Renny Shell. Sebelum ini, Renny adalah Penyelaras Projek-projek Kejuruteraan dan juga selaku Timbalan Pengurus Kejuruteraan. Sebelum tiba di negara ini, beliau telah berkhidmat di Hague, Venenzula, United Kingdom dan New Zealand.



KERJA pembinaan ke atas dua saluran paip di BLNG berjalan lancar.

Saluran paip yang pertama bertujuan untuk memasukkan gas Champion yang mengandungi karbon dioksid ke dalam kotak tumpu utama gas Ampa yang terdapat di setiap unit pencairan.

Ini akan mempertinggikan penggunaan gas Champion yang dihasilkan dari padang minyak Champion di luar pantai.

Saluran paip ini mengandungi sebuah kotak tumpu berukuran 6 inci yang bergerak ke arah utara bateri yang terhad dan menghantarnya kepada kelima-lima unit pencairan.

Bagi memastikan yang kandungan karbon dioksid terdapat pada hasil campuran gas Ampa dan gas Champion itu terkawal, maka alat-alat yang sofistikated seperti penghasilan karbon dioksid dipasang bagi mengawal aliran gas Champion ke dalam setiap unit.

Paip yang kedua adalah saluran silang wap berukuran 10 inci yang bertekanan tinggi untuk menambahkan bekalan wap HP unit yang kelima. Disebabkan oleh suhu serta tekanan tinggi terdapat pada wap, saluran paip yang digunakan adalah keluli logam yang memerlukan peraturan-peraturan khusus apabila menjalani rawatan seperti memateri dan pos haba.

Saluran paip ini akan diberi semburan wap apabila siap supaya memastikan yang bahagian dalam saluran paip ini bersih, untuk memastikan agar tidak terdapat sebarang kapatan atau puin ke dalam turbin-turbin di unit kelima yang mana boleh menyebabkan kerosakan.

## Jadual melawat

JABATAN PML Rumah Sakit Panaga baru-baru ini telah meneliti semula susunan masa-masa melawat bagi rumah sakit itu, yang mana akan lebih bebas dari masa sebelumnya.

Rumah sakit itu, bagaimanapun, akan tetap mengekalkan masa-masa melawat bagi kesemua wad dari jam 10.00 hingga 11.00 pagi, dari jam 4.00 hingga 5.30 petang dan dari jam 7.30 hingga 9.00 malam, kecuali wad kanak-kanak.

Sekatan masa melawat bagi kanak-kanak di bawah umur 12 tahun juga kini dilonggarkan. Ibu bapa dibolehkan melawat anak-anak mereka pada bila-bila masa dan para suami dibenarkan menemani isteri mereka ketika hendak melahirkan. Jabatan ini juga bercadang supaya masa lawatan di waktu petang ditempah khas untuk para suami.

Permintaan untuk melawat para pesakit di masa-masa lain juga mungkin dipertimbangkan dan ini tertakluk kepada persetujuan jururawat yang bertanggungjawab di wad tersebut yang bukan hanya memikirkan tentang pesakit yang hendak dilawat, tetapi juga mempertimbangkan pesakit-pesakit lain.

Jururawat Kanan yang bertanggungjawab berhak pada setiap masa menyekat kedatangan pelawat seandainya mereka mengganggu ketenteraman pesakit lain di wad berkenaan. Kerjasama orang ramai dan pelawat bagi keperluan pesakit lain adalah diperlukan dan mereka juga diminta untuk mengawasi anak-anak mereka.



SERAMAI 30 orang pemborong bumiputera yang berdaftar dengan Shell Brunei kini sedang mengikuti seminar perniagaan peringkat lanjutan di ibu pejabat di Seria.

Seminar yang bermula penghujung bulan lepas di rasmikan oleh Pengarah Lembaga Kemajuan Perniagaan Tempatan Syarikat, khusus kepada pengusaha-pengusaha bumiputera sejak bulan Mei tahun lepas.

Ianya akan berjalan selama tiga minggu diisikan dengan ceramah-ceramah dari para pensyarah yang disediakan oleh Executive Development Corporation dari Kuala Lumpur.

Upacara perasmiannya telah dihadiri oleh Pengurus Perkhidmatan Kakitangan dan Pertubuhan, Awang Mat Suny Haji Md. Hussein dan lain-lain pegawai kanan syarikat (gambar atas).

## Skim Latihan Pentadbiran dan Perniagaan

SYARIKAT-syarikat Shell Brunei kini mempelawa para pekerja dari rakyat Negara Brunei Darussalam untuk menyertai Skim Latihan Pentadbiran dan Perdagangan (pengambilan BEC 1985).

Skim tersebut melibatkan tajaan selama tiga tahun kursus penuh di Maktab Teknikal Sultan Saiful Rizal di Jalan Muara dan akan membawa ke peringkat Majlis Pelajaran Perdagangan (Kebangsaan), yang tertakluk kepada kelulusan kredit setelah setahun dalam Kursus Am BEC.

Pemohon-pemohon hendaklah dalam kumpulan kerja JG12 atau rendah dan telah menamatkan pelajaran mereka dalam tingkatan enam. Mereka yang ingin memasuki skim ini bolehlah berhubung dengan ketua jabatan masing-masing tidak lewat dari hari Sabtu depan, 20 April.

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 17 April, 1985.

# rtb/Intisari minggu ini



SEBUAH lagi kumpulan penyanyi lagu-lagu dakwah akan mengisikan rancangan Nada Pedoman. Kumpulan yang dimaksudkan ialah Kumpulan Saadatul Ummah (atas). Mereka akan mempersembahkan beberapa buah lagu-lagu dakwah untuk santapan pendengar. Saadatul Ummah akan bersama para pendengar sekalian pada hari Jumaat 19 April jam 9.00 pagi dan akan diulang siarannya pada hari Khamis 25 April jam 2.30 petang. Rancangan diterbitkan oleh Hasnan Suhaili.

## PEMBACA BERITA INGGERIS SAMBILAN

RADIO Televisyen Brunei mempelawa pemohon-pemohon bagi jawatan Pembaca Berita Inggeris Sambilan.

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai perwatakan dan nada suara yang baik serta wajah yang photogenic. Mahir bertutur dalam bahasa Inggeris dan berumur antara 20 hingga 30 tahun.

Pemohon-pemohon yang berjaya akan ditugaskan menyampaikan berita bahasa Inggeris di Radio dan Televisyen.

Permohonan bolehlah dibuat melalui telefon 22707, Pemangku Ketua Penyunting Berita RTB tidak lewat dari 30 April, 1985.

*Radio Minggu Ini:*

## PERISTIWA 27 REJAB

TELAH menjadi satu kelaziman di negara kita yang pada setiap tibanya 27 Rejab, beberapa upacara keugamaan diadakan sebagai tanda untuk menyambut tibanya hari maha bersejarah dalam Islam yang dikenali sebagai peristiwa Israk dan Mikraj.

Dari peristiwa itu, dapatlah kita sebagai umat Islam mengambil satu konsep atau pengertian yang wajar darinya. Segala pengalaman yang dilalui oleh baginda Rasulullah s.a.w. itu adalah patut untuk menjadi bahan renungan hidup kita bersama, untuk menjadi panduan dan pengajaran kita agar dapat menyelaraskan akan kehendak kehidupan untuk di dunia dan juga akhirat. Sekurang-kurangnya akan timbullah rasa keinsafan daripada kandungan pengalaman perjalanan Nabi yang semuanya berlaku dengan kehendak Allah.

Menyedari akan hal ini Bahagian Melayu Radio, seperti lazimnya akan mengungkayahkan beberapa rancangan yang bertemakan keugamaan yang difikirkan selaras untuk mengenang peristiwa yang berlaku pada 27 Rejab itu.

Beberapa sambutan keugamaan akan mengambil tempat atas anjuran pihak-pihak yang tertentu seperti yang berlaku di tahun yang sudah-sudah. Dalam hal ini radio juga tidak terkecuali dari memainkan peranannya. Satu rancangan yang telah pun dikeudarakan ialah Peraduan Nasyid Peringkat Awal yang disiarkan secara bersiri. Dan pada malam ini, 17 April bersamaan dengan 26 Rejab, sebagai kemuncaknya akan dilangsungkan Pertandingan Nasyid Peringkat Akhir yang akan disiarkan terus dari Dewan Maktab Perguruan Ugama, bermula pada jam 8.30 malam.

Sebuah lagi Rancangan Khas yang diterbitkan khusus untuk menyambut kedatangan Israk dan Mikraj yang akan disiarkan selama tiga puluh minit juga telah diusahakan dan akan disiarkan esok, 18 April, 1985 jam 2.00 petang. Sementara bahan-bahan luar yang dirakam juga akan dimuatkan dalam rancangan-rancangan lain yang berbentuk majalah.

Seterusnya, sekali lagi pada 22 dan 23 April, 1985, akan disiarkan pula secara langsung Pertandingan Al-Quran Peringkat Negara dari Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Apa yang diharapkan, ialah bersempena dengan sambutan ini akan dapat menimbulkan rasa keinsafan di kalangan kita umat Islam dan sekali gus dengan itu juga, radio akan memperolehi tindakbalas dari pendengarnya seperti apa yang dihasratkannya selama ini, iaitu untuk melihat kesan dari segala apa yang diusahakannya.

## "Untuk Apa?"—tajuk sandiwara radio

PENULIS Zainorin Isma, Negara Brunei Darussalam, membongkar tentang pergelutan perasaan di antara seorang anak cacat dan perasaan ibu bapanya sendiri yang merasa keberatan untuk menerima kehadirannya disebabkan ia cacat.

Watak Azlina adalah seorang gadis yang malang kerana sejak kecil ia tidak dapat berjalan sendiri. Ia bergerak ke sana ke mari hanya dengan menggunakan kerusi roda. Walaupun ia tidak mendapat kasih sayang dari kedua orang tuanya, ia masih dapat mengadu nasib kepada orang gaji mereka yang sudah sekian lama berkhidmat di rumah itu. Lebih dari itu, ia menganggap Azlina sebagai anaknya sendiri.

Kekejaman Dollah, ayah Azlina itu rupa-rupanya diambil perhatian oleh Hassan, seorang hartawan yang baru saja kembali dari Jepun setelah Irwan anaknya menerima rawatan di sana. Irwan juga mengalami kecacatan di bahagian kakinya sejak ia kecil. Sebagai ekoran dari rawatan itu, Irwan telah dapat dipulihkan dan mampu berjalan seperti biasanya.

Walaupun keadaannya sudah berubah, Hassan selalu mengingatkan Irwan agar jangan mudah lupa akan keadaannya dulu dan tidak mengindahkan nasib orang-orang cacat yang lain. Irwan bersetuju untuk mematuhi permintaan ayahnya itu.

Dalam diam-diam Hassan berniat untuk menjodohkan Irwan dengan Azlina. Apabila Irwan diberitahu tentang rancangannya itu, Irwan tiba-tiba menentang dan sama sekali tidak mahu berkahwin dengan seorang cacat seperti Azlina walaupun sebelumnya ia juga mengalami perkara yang sama.

Kerana tindakan Irwan itu, Hassan mulai menyedari yang Irwan sudah mulai berubah. Kerana itulah ia terpaksa membongkar satu rahsia yang selama ini disembunyikan dari pengetahuan Irwan. Apakah rahsia tersebut? Untuk mengetahuinya, ikutilah siarannya pada 21 April, 1985 jam 11.15 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Salmah Haji Abdul Rahman.

## Tetamu radio



TETAMU Radio keluaran hari Ahad 21 April jam 4.30 petang akan memuatkan temubual penerbit bersama penyanyi cilik dari Indonesia adik PUPUT NOVEL. Ulangannya ke udara hari Rabu jam 2.00 petang. Rancangan diterbitkan oleh Helen Thu.

## Peserta Dari Pendengar Untuk Pendengar



DAYANG Mariam bte Ismail, di alamat No. 64 Kampong Katimahar, Batu 13 Jalan Tutong (atas) akan memilih tujuh buah lagu kegemarannya dalam rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar yang akan disiarkan pada hari Selasa 23 April jam 4.00 petang.

## RANCANGAN TVP DARI 22 APRIL HINGGA 24 APRIL 1985

### ISNIN — 22 APRIL

**PAGI**

8.50 SAINS UNTUK DARJAH 4
(Binatang Bertulang Belakang)

Gajah adalah binatang darat yang terbesar sekali di dunia. Dalam kumpulan apakah binatang gajah ini?
Apakah binatang bertulang belakang yang terbesar sekali di dunia?

Berapa kumpulankah binatang-binatang bertulang belakang dibahagikan?
Untuk selanjutnya ikutilah rancangan ini nanti.

9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK
(Numbers 4, 5 & 6)

Murid-murid diajar menghitung 4 hingga 6 dan mereka juga diajar beberapa perkataan yang bermula dengan huruf "J".
Murid-murid juga berkesempatan menyaksikan sebuah cerita.

10.05 MARI BERCERITA
(Kuda Dengan Peladang)

Cerita ini mengisahkan kuda dan kijang terjumpa sebuah padang rumput. Kerana tamak dan ingin memiliki padang rumput itu kuda cuba menghalang kijang dengan bantuan manusia.
Untuk mengetahui kisah ini selanjutnya, jangan lupa untuk mengikuti rancangan ini nanti.

10.35 SAINS UNTUK DARJAH 6
(Mesin Mudah I)

Pada minggu ini Cikgu Amdan akan mengajar murid-murid mengenai mesin mudah. Mesin mudah telah dicipta untuk menolong memudahkan kerja-kerja yang sukar dibuat dengan tenaga biasa.
Apakah jenis-jenis mesin yang telah dicipta oleh orang-orang purba? Apakah mesin-mesin itu masih digunakan hingga hari ini? Ikutilah rancangan ini untuk mendapat jawapannya.

### SELASA—23 APRIL

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4
(Binatang Bertulang Belakang)

9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK
(Numbers 4, 5 & 6)

10.05 MARI BERCERITA
(Burung Besar Dengan Udang Besar)

Seekor burung besar merasa dirinya paling besar. Suatu hari ia terjumpa seekor udang yang sangat besar. Udang besar pula sombong dan menyangka dirinya paling besar. Ketika berenang ia terjumpa sebuah gua. Gua itu rupanya lubang hidung ikan paus.

Apakah tindakan ikan paus dan apakah yang akan terjadi kepada udang besar itu? Sila ikuti rancangan ini selanjutnya.

10.35 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6
(Mesin Mudah I)

### RABU — 24 APRIL

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4
(Binatang Bertulang Belakang)

9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK
(Numbers 4, 5 & 6)

10.05 MARI BERCERITA
(Akibat Bohong)

Kisah seorang budak gembala kambing yang suka berbohong. Akibat dari perbuatannya itu ia sendiri yang mendapat akibatnya.
Sila ikuti rancangan ini untuk mengetahui kisahnya.

10.35 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6
(Mesin Mudah I)

# SEKITAR LAWATAN SINGKAT PERDANA MENTERI BRITISH

SEJAK mencapai kemerdekaan, Negara Brunei Darussalam kerap kali menjadi tumpuan dan perhatian pemimpin-pemimpin luar sama ada jauh mahupun yang dekat dalam usaha memupuk hubungan persahabatan dan kerjasama di samping untuk melihat sendiri tentang kemajuan yang dicapai oleh Negara Brunei Darussalam.

Pada minggu lalu, seorang pemimpin negara Eropah, Yang Amat Berhormat Puan Margaret Thatcher MP, Perdana Menteri British telah mengadakan lawatan singkat ke negara ini. Walaupun lawatan itu hanya selama empat jam, tetapi ianya adalah rasmi.

Yang Amat Berhormat Puan Margaret Thatcher yang lebih dikenali sebagai 'The Iron Lady', Wanita Berhati Waja oleh pemimpin-pemimpin dunia adalah dalam rangka lawatan ke enam buah negara Asia. Brunei Darussalam adalah merupakan negara ketiga yang dilawati oleh Yang Amat Berhormat selepas Malaysia dan Republik Singapura.

Dalam masa lawatan itu YAB Puan Margaret Thatcher telah mengadakan rundingan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Semasa berada di negara ini YAB Perdana Menteri British itu telah sempat meninjau Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di ibu negara dan melawat ke beberapa unit antaranya termasuklah Unit Rawatan Intensif, Unit Rawatan Anak-Anak Damit dan Makmal Negara. YAB juga diberikan penghormatan untuk menanam sepohon pokok 'Royal Palm' di pekarangan rumah sakit berkenaan sebagai tanda kenangan lawatan YAB itu.

Anggapan pelancong-pelancong luar negeri yang mengatakan 'kalau tidak melawat atau meninjau ke Kampong Ayer lawatan itu adalah tidak lengkap'. Anggapan sedemikian adalah wajar dan bertepatan kerana YAB Puan Margaret Thatcher sungguhpun tidak mempunyai masa yang panjang, telah juga sempat melihat keindahan semula jadi Kampong Ayer yang menjadi lambang kemegahan masyarakat Brunei Darussalam dan yang juga diberi jolokkan sebagai 'Venice of the East.'

YAB Puan Margaret Thatcher denga ingi oleh suaminya Tuan Dennis Th beserta rombongan yang mengandungi p pegawai dan wartawan British telah m galkan negeri ini tepat jam 2.00 petang meneruskan lawatannya ke Republik Ind Sri Lanka dan India.

Gambar-gambar oleh
Haji Sharbini Taha, Ak Abu Bakar PH
Ak Bahar PHO, Pg Haji Yakub, Rabae S
dan Harun Rashid





YANG Amat Berhormat Puan Margaret Thatcher memeriksa barisan kawalan kehormatan yang terdiri dari anggota-anggota ABDB setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas (atas).

YANG Amat Berhormat Puan Thatcher memperkenalkan suaminya Tuan Dennis Thatcher kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien (kanan).

BERANGKAT mengalu-alukan ketibaan YAB Perdana Menteri British itu ialah DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan DYTM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah. Gambar bawah Yang Amat Berhormat diperkenalkan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong.



SEJURUS sebelum berlepas meninggalkan Negara Brunei Darusslam, Yang Amat Berhormat Puan Margaret Thatcher telah menerima tabik kehormatan di pekarangan Istana Nurul Iman (Gambar atas).

Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato Dr Haji Johar menerangkan sesuatu kepada Yang Amat Berhormat Puan Thatcher semasa dalam lawatan ke Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (kanan).

Sebagai kenang-kenangan lawatannya ke Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, YAB Puan Thatcher telah menanam pokok 'Royal Palm' di pekarangan Rumah sakit berkenaan, (bawah). Gambar bawah kanan: YAB Puan Thatcher berbual mesra dengan salah seorang pesakit di Unit Rawatan Buah Pinggang.









# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00– 6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.25 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 pagi | |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU 17 APRIL

PAGI: 9.00—Taman Mekar (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Seloka Merpati/ Mutiara Asli.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio (SU), 2.30 — Hiburan, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Forum (SU), 4.00 — Suara Kugiran (SU), 4.30 — Ruangan Katani, 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 3.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30—Permintaan Sukaramai, 9.30 — Senandung Malam.

## HARI KHAMIS 18 APRIL

PAGI: 9.00 — Hiburan, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15—Ronggeng Tanahair (SU), 10.15 — Gubahanku (SU), 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Untuk Awda.

TENGAH HARI: 1.30 — Sumbangsih/Senandung Lagu-lagu Lama (SU).

PETANG: 2.00 — Hiburan, 2.30 — Muzika Tanahair (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Citra Dalam Syair, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00—Lagu-lagu Berirama Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

## HARI JUMAAT 19 APRIL

PAGI: 9.00 — Majalah Radio, 9.30 — Nada Peduman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Lagu-lagu Berirama Asli, 11.30—Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Peduman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30—Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15—Selingan Irama, 1.45—Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Keluarga Si Awang, 2.30 —Hiburan Petang, 3.15—Dendang Si Alai 3.30—Mingguan Pelajar, 4.00—Permintaan Jiran Tetangga, 4.30—Dunia Wanita, 5.00 — Suara Bintang-Bintang, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Senandung Malam.

## HARI SABTU 20 APRIL

PAGI: 9.00—Mingguan Pelajar (SU), 9.30 —Hiburan Riang Ria, 9.45—Dendang Si Alai (SU), 10.15—Varia Peristiwa (SU) 10.30—Rampaisari.

TENGAH HARI: 1.30 — Mutiara Asli (SU).

PETANG: 2.00—Permintaan Hujung Minggu, 3.15—Hiburan Selingan, 3.30—Cerpen dan Salukan (SU), 4.00—Hiburan Petang, 4.15 — Soalan Di Udara, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Suara Bintang-bintang (SU), 8.45 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.15 — Permintaan Malam Minggu.

## HARI AHAD 21 APRIL

PAGI: 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pesta Pop, 10.15—Majalah Perdana (SU), 11.00 — Gubahanku, 11.15 — Sandiwara Radio.

TENGAH HARI: 12.00—Tahniah dan Ucap Selamat, 1.00—Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00 — Hiburan Petang, 2.30 — Serbanika Hiburan, 3.15 — Titian Budaya, 3.30 — Suara Kugiran, 4.00 — Hiburan Petang, 4.30 — Tetamu Radio, 5.00 — Majalah Sukan, 5.45 — Senandung Senja/Selingan Irama.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastera, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Citra Dalam Syair (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

## HARI ISNIN 22 APRIL

PAGI: 9.00 — Sains Dan Perusahaan, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Dunia Wanita (SU), 11.00 — Hiburan Pilihan.

TENGAH HARI: 1.30—Permintaan Hari Isnin.

PETANG: 2.30 — Keluarga Si Awang (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Bangsawan Di Udara (Siti Zubaidah siri ke-7), 6.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 —Majalah Sukan (SU), 8.45 — Kuliah Ugama (SU), 9.00—Serbanika Hiburan (SU), 9.30 — Kutujukan Lagu.

## HARI SELASA 23 APRIL

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.00 — Untuk Awda, 11.30 — Berita Sukan (SU), 11.45 — Radio Minggu Ini.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama.

PETANG: 2.00 — Kusampaikan Salam, 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Hiburan Gema Silam, 3.15 — Seni Dan Sastera (SU), 3.30 — Hiburan, 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15—Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Forum, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### WEDNESDAY

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.30 33rd Cheltenham Festival: Music by Hoddinott and Prokofiev (side 1 of 2)
9.30 Talking About Music — 240.

### THURSDAY

P.M.

8.00 International Money Programme.
8.15 Sixty-Minute Theatre: Maurice Now by Alan McMurtrie
9.30 Jazz from the Low Countries — 8/14.

### FRIDAYS/HOLIDAYS

A.M.

11.00 A Religious Talk: Israk Mikraj
11.15 Light Music From The Netherlands — 653.
11.30 Children's Half Hour.

NOON

12.00 The Paramor Sound—30/32.
12.45 My Music — 349.

P.M.

1.15 Book Club: School For Love by Olivia Manning — 6/14.
1.30 Break for music — 16/26.
1.45 Just for variety by continuity announcer.
2.30 Fifteen Minutes Theatre: To Put It Frankly by John Arden.
2.45 Calling On You presented by Ak Hishamuddin.
3.30 Those Were The Days presented by duty announcer
4.00 Chinese programmes.
8.00 Israk Mikraj (repeat).
8.15 The World of Books
8.45 Thirty-Minute Theatre: The Chosen by Gerry Knight
9.30 A Date with ...... (repeat)

### SATURDAY

P.M.

8.00 Melody Time
8.30 My Word — A panel game — 347/350
9.00 Latin Instrumental
9.30 Top of The Pops — 1063.

### SUNDAY

A.M.

11.00 A Date with .........
11.30 Practical World
11.45 A Feature On Language: Potted Tongues — 2/2.

P.M.

12.15 Lunch Time Melodies.
12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 1063 (repeat).
1.30 Weekend Greetings.
2.45 The Fosdyke Saga — 7/13
3.00 Just for variety by duty announcer
4.00 Chinese programmes.
8.00 A Feature On Language: Potted Tongues — 2/2 (repeat)
8.45 BBC Science Magazine.
9.00 Beautiful Music — 55/60.
9.30 Hitsville USA — The Story of Motown Prog. 1: "Marvelettes and Miracles (side 1 of 2)

### MONDAY

8.00 Theatre Forty-Five: Bord Song by James Saunders
8.45 The Beatles at the Beeb (side 4 of 4)
9.30 The Palm Court Trio—4/6.

### TUESDAY

P.M.

8.00 Just For You by Jaafar Yaakub
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special: The Alarm side 1.

### DAILY

A.M.

6.29 Jingle
6.30 Allah Peliharakan Sultan
6.32 Quran and It's Translation
6.45 Berita Perdana (Relayed from the Malay Service).
7.00 Brunei's AM, Brunei Darussalah In Reminiscene.
7.30 Local News.
7.35 Tide Times presented by Azizah Abdullah
7.36 Brunei's AM (continued)
8.30 Chinese programmes.
11.00 Ladies at Eleven except Fridays and Sundays.

NOON

12.00 Lunch Break except Fridays and Sundays.

P.M.

12.30 News followed by Brunei Darussalam Reminiscene, and Weather Forecast.
2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursdays.
4.00 Close for morning transmission on Fridays and Sundays.
9.15 News.

## Kelayakan Piala Dunia

# BRUNEI GAGAL DI PUSINGAN AWAL

NEGARA Brunei Darussalam gagal meneruskan perjalanan dalam kelayakan Piala Dunia bila dikecewakan di pusingan awal dalam semua perlawanan saringannya.

Pasukan Kebangsaan negara mengalami kekalahan di semua perlawanan dalam kumpulannya bersama Hong Kong, Macau dan China.

Dalam perlawanan terakhir di dalam negeri menentang Macau pasukan tuan rumah kecundang dengan jaringan 1 — 2. Terdahulu dalam perlawanan di tempat lawan Macau menang 2 — 0.

Ketika menentang Hong Kong, pasukan negara juga ditewaskan dengan jaringan 5 — 1 dan dalam perlawanan pertama, Hong Kong membelasah pasukan kebangsaan dengan lapan gol tidak berbalas.

China yang merupakan pilihan utama untuk mewakili kumpulan ini menghasilkan gol terbanyak dalam dua pertemuan iaitu perlawanan pertama dengan jaringan juga lapan kosong dan kedua dengan empat kosong.

Kegagalan pasukan negara untuk mengharungi pusingan selanjutnya memang sudah diramalkan. ‚Kekurangan pengalaman dan latihan bukan senjata yang ampuh untuk dijadikan bekalan. Jika cuma semangat tidak akan membawa ke mana.

Dalam perlawanan pertama di tempat lawan, pasukan kebangsaan dibarisi oleh skuad kedua kerana pasukan utama terlibat dalam siri Piala Malaysia dan Pesta Sukan Merdeka.

Kemudian sekembalinya mereka, skuad tersebut dicantumkan dengan penarikan beberapa pemain ke skuad utama. Kesannya begitu baik. Pasukan negara memenangi perlawanan ujian pertama menewaskan pasukan Sarawak dan menempah ke perlawanan akhir Pesta Sukan Merdeka termasuk menundukkan pasukan Harimau Malaysia.

Pencapaian dan peningkatan yang mendadak!

Itu satu perkara. Skuad ini kemudian diberi peluang untuk menyelamatkan imej negara (sekurang-kurangnya) dalam perlawanan ulangan di tempat sendiri dalam pusingan kelayakan Piala Dunia.

Di sini imej pasukan kebangsaan pula tergugat. Yunus melepaskan tujuh gol Faisal kurang berkesan. Zainuddin terbantut. Malah hampir semuanya tidak mengena. Apa puncanya?

Keletihan. Letih dan bermain bola yang berlebihan kadangkala 'mengeringkan' imijinasi, kepintaran dan kebolehan disebabkan oleh kejemuan.

Faisal sudah tidak larat kerana kecederaan belum pulih sepenuhnya. Begitu juga Zainuddin dan beberapa pemain lain. Keletihan mereka ketika mengharungi Pesta Sukan Merdeka dan Piala Pusingan masih terasa.

Kehadiran mereka juga tidak mungkin membantu pasukan negara untuk membuat keputusan yang sebaliknya. Malah adalah lebih baik peluang sedemikian didedahkan kepada skuad yang bermain di perlawanan pertama dulu.

Kerana itulah masa yang baik mereka merasa pendedahan dan pengalaman!

**Sukan pelita**
Kelolaan: Manaf Rahman

## Bolasepak

# Kecederaan Faisal merunsingkan

PASUKAN bola sepak kebangsaan menerima satu tamparan yang hebat berikutan dengan kecederaan teruk yang menimpa jentera pengerak, Faisal Yusof.

Faisal yang merupakan pemain paling 'top' masa kini ibarat sebiji permata yang menyinar mengalami kecederaan di lutut kirinya yang akan memaksanya untuk berehat beberapa ketika.

Kecederaan itu dialami sejak akhir tahun lepas dan ianya semakin bertambah ketika menjalani latihan-latihan keras dan perlawanan yang berlanjutan.

"Sakitnya terasa ketika saya hendak menendang atau membuat larian. Doktor telah mensihatkan saya untuk berehat jika tidak saya terpaksa menjalani pembedahan. Pada masa ini saya berusaha keras untuk menyembuhkannya dengan cara perubatan tradisional," jelas Faisal.

"Sepatutnya saya berehat. Kadangkala sesudah lepas bermain lutut saya ini tidak dapat dibengkukkan tetapi saya harus membalas kepercayaan negara dalam memerlukan tenaga saya," tambahnya.

Ketiadaan Faisal jelas menampakkan 'kecacatan' dalam pasukan negara ketika pertemuan dengan Macau, ketiadaan beliau juga membantutkan pergerakan Zainuddin.

Yang jelas tanpa Faisal, Zainuddin lembab dan tanpa Zainuddin, Faisal pula kehilangan sayap. Keduanya memerlukan satu sama lain.

Tanpa Faisal maka semuanya pula akan terletak di bahu Zainuddin.



FAISAL Yusof

## Sepak takraw

# Jangan mendabek dada

KEMAMPUAN pasukan sepak takraw negara dapat memungut pingat gangsa di Pesta Sukan Merdeka lepas bukan bermakna sudah boleh mendabek dada. Bukan maknanya takraw negara sudah sebaris kehandalannya dengan Thailand atau Malaysia.

Ataupun sepak takraw negara sudah meningkat jauh atau sudah mampu memberikan pengajaran kepada negara-negara lain di masa akan datang.

Malah ianya hanya baru dikirakan langkah penitian dalam mencapai matlamat takraw negara muncul sebagai salah sebuah pasukan terkuat Asia.

Setiausaha Pestabaru, Pg Metassan ketika ditemui menjelaskan, "Saya menganggap kejayaan itu sebagai kejayaan semua pihak yang bertungkus lumus menaikkan nama negara. Tetapi kejayaan seluruhnya Pestabaru belum nyata lagi."

"Kejayaan sebenar dan matlamat utamanya Pestabaru ialah untuk menjadikan sepak takraw ini dihayati oleh segenap lapisan masyarakat dan bukan hanya segolongan kecil saja seperti yang ada sekarang," tegasnya.

Ke arah itu beberapa program sedang disusun termasuk dalam menyediakan tenaga pengadil-pengadil dan jurulatih berkelayakan untuk menampung kehendak negara jika menjadi tuan rumah di kejohanan antarabangsa akan datang.

Klinik jurulatih akan dikendalikan oleh seorang jurulatih yang berpengalaman dan berkelayakan dan selain memberikan peluang kepada jurulatih sepak takraw, Pestabaru juga berharap akan memberikan peluang kepada guru-guru latihan jasmani.

"Tujuannya ialah agar guru-guru tersebut akan dapat meluahkan pengetahuan mereka kepada penuntut-penuntut agar mereka itu berminat untuk menghayati permainan sepak takraw sejak di bangku sekolah lagi."

Orientasi pengadil pula yang akan diadakan pada bulan Ogos adalah atas kerjasama Persatuan Sukan Angkatan Tentera Singapura (SAFSA) melalui Encik Mahmud Awang, Pengerusi Pengadil-pengadil Persatuan Sepak Takraw Asia (Astaf) siapa juga yang akan membimbing dalam projek tersebut.

"Ke arah ini Pestabaru berharap akan mengundang SAFSA dan Wilayah Persekutuan untuk mengadakan perlawanan dengan pasukan tempatan dan pengadil-pengadil tempatan akan diberikan peluang untuk mengendalikan perlawanan itu nanti dengan bimbingan dari Encik Mahmud Awang," jelasnya.

# PENCAPAIAN BESAR SEPAK TAKRAW

PENCAPAIAN dua kemenangan besar oleh pasukan takraw negara di kejohanan Pesta Sukan Merdeka lepas merupakan satu peningkatan dalam kancah pergolakan sukan tersebut.

Pertama dalam menewaskan regu utama Thailand yang terkuat di Asia dalam acara berpasukan dan membelasah Indonesia 15 — 0 dalam acara antara regu.

Kemenangan ke atas Thailand itu memaksa negara tersebut 'menyembunyikan' muka untuk menahan malu terutama di hadapan musuh ketatnya, Malaysia yang dilucutkan oleh mereka dari gelaran dan takhta terkuat Asia.

Dalam sejarah pertemuan Thailand dengan negara kita, Thailand tidak pernah memberikan ampun untuk pasukan negara mencapai lebih dari lima mata. Dan selama itulah mereka masih tersenyum menyindir jika diundi untuk bertemu pasukan negara di kejohanan-kejohanan lepas.

Tetapi selama itulah juga dendam tersemat di hati setiap pemain untuk memberikan sesuatu yang berkesan dan memalukan kepada regu Thailand.

Dendam itu akhirnya terlaksana di negara ini sendiri dan lebih bermakna kerana ianya dilakukan di hadapan penonton dan penyokong tempatan.

Tangisan air mata tidak dapat menyembunyikan kegembiraan regu negara, Said Bakar, Rahim Omar dan Haji Mohin Jaafar sejurus setelah menamatkan set penentu dengan kiraan 15 — 13.

Di saat itulah regu Sawait Siritorn, Yanyong Tantipanich dan Weeras Nanongchai berjalan longlai keluar gelanggang sambil menelan liur pahit.

Walaupun regu berikutnya gagal tetapi kemenangan itu membuat Thailand tidak senang duduk kerana pasukan negara sudah mampu mencabar.

Peningkatan mutu permainan pasukan negara juga turut dihargai oleh jurulatih Thailand, Supot Prance, "Saya kagum dengan peningkatan pasukan ini meskipun belum mencapai tahap yang sebenar tetapi saya fikir dalam, masa dua tahun lagi mereka pasti bukan pasukan yang mesti di pandang ringan.

Kekalahan pasukan regu utama Thailand ini adalah satu keputusan yang paling memalukan dan saya dari sekarang tidak akan memandang sambil lewa akan kemampuan yang ada pada mereka."

Manakala pengurus pasukan Thailand, Kriengsak Virojsailee dengan lesu mengakui: "Saya melihat ada 'improvement' pada pasukan ini (regu utama) dan kekalahan ini akan membuka mata bahawa pasukan Brunei Darussalam memang dalam perjalanan untuk menjadi salah sebuah pasukan terkuat.

"Saya memang mengkagumi kebolehan regu utama itu tetapi bukan pada regu kedua dan ketiga dan saya amat tertarik dengan kebolehan apit kanannya (Said Bakar). Tetapi mereka masih memerlukan masa yang panjang untuk menandingi pasukan-pasukan seperti Malaysia atau Thailand sendiri ini termasuklah latihan yang berterusan dan mengumpulkan lebih banyak pemain dalam skuadnya."

Dalam menyentuh kelemahan pasukan Brunei, jurulatihnya berkata: "Ada dua kelemahan yang paling ketara. Pertama ketika menyambut hantaran bola pertama dan kedua dalam membuat pukulan. Cuma seorang yang saya lihat berkebolehan iaitu Said Bakar. Beliau mampu membuat beberapa corak pukulan dengan ketajaman yang deras."

Jurulatih Indonesia, Junus Said dalam menjelaskan kekalahan pasukannya berkata: "Kekuatan pasukan saya dengan pasukan Brunei memang tidak seimbang. Mereka mempunyai kelebihan. Bagaimanapun saya lihat kemampuan mereka tidak konsisten kadangkala baik kadangkala sebaliknya."

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

BIL. : JKP-6/1985

1. Nama Projek: RANCANGAN PERPINDAHAN/PERUMAHAN NEGARA KAMPONG PANDAN, KUALA BELAIT: CADANGAN OUTFALL CANAL.

2. Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari:
   Jabatan Kemajuan Perumahan,
   Tingkat 3,
   Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
   Kawasan Lapangan Terbang Lama,
   Negara Brunei Darussalam.
   mulai hari Rabu, 17 April hingga 27 April 1985.

3. Kelayakan Pemborong: Kelas "A" yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4. Cagaran tawaran: $10,000.00 + $100.00 (dokumen) + $150.0 (pelan).

5. Tarikh tutup: Hari Isnin, 29 April, 1985 jam 12.00 tengah hari.

6. Syarat-syarat tawaran:
   - 6.1 Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, (pada tarikh yang ditetapkan);
   - 6.2 Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;
   - 6.3 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Daussaam.
   - 6.4 Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 3, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Daussalam.
   - 6.5 Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender).
   - 6.6 Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan;
   - 6.7 Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan; dan
   - 6.8 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## TENDER NOTICE ROYAL BRUNEI POLICE FORCE

TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board Negara Brunei Darussalam.

Tenders should be placed in the TENDER BOX situated at :—
4th. Floor,
Jabatan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei
Darussalam
by 12 noon on the stated closing date.

2. Tender documents can be collected from :—
Head of Logistics & Procurement,
Police Headquarters,
Gadong,
Negara Brunei
Darussalam.

TENDER NO : 37/1985
SUPPLY OF GRASS CUTTING MACHINES
(Closing date — 6 May, 1985).

TENDER NO : 38/1985
SUPPLY OF EXCAVATOR/LOADER
(Closing date — 6 May, 1985).

## Tawaran Jabatan Stor-Stor Dan Perbekalan Negara

BIL. 17/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 6 Mei, 1985 bagi membekalkan barang-barang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor & Perbekalan Negara :—

GALVANISED CONTINOUS BUTT WELDED STEEL PIPE TO BSS 1387/1967 CLASS MEDIUM SCREWED AND SOCKETED ENDS IN STANDARD LENGTH OF 20 FEET WITH THREAD TO BS: PROTECTED AGAINST DAMAGED.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor & Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja.

## KENYATAAN TAWARAN PUSAT TAHANAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari hari Isnin 29 April, 1985 jam 12.00 tengah hari bagi membekalkan barang-barang makanan yang belum dimasak (UNCOOKED RATIONS) kepada orang-orang tahanan di Pusat Tahanan, Jerudong, Negara Brunei Darussalam.

Barang-barang yang hendak dibekalkan adalah seperti berikut:—

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. Beras | satu pound | (c) Pear | sebiji |
| 2. Ikan Hidup No. 1/2 | „ | (d) Buah Lai | „ |
| 3. Udang Hidup | „ | (e) Pisang | satu pound |
| 4. Daging Kerbau | „ | (f) Anggur | „ |
| 5. Ayam (Cabut Bulu) | „ | 20. Gula Putih | „ |
| 6. Sayur Daun (Sawi kangkong dll) | „ | 21. Minyak Makan | „ |
| 7. Sayur Buah (Kacang timun dll) | „ | 22. Garam | „ |
| 8. Ubi Kentang | „ | 23. Asam | „ |
| 9. Roti Paun | „ | 24. Rempah Serbuk | „ |
| 10. Telur Ayam (tempatan) | sebiji | 25. Rempah Kunyit | „ |
| 11. Teh Lipton | satu pound | 26. Cili Hidup | „ |
| 12. Kopi Cap Bas | „ | 27. Cili Kering | „ |
| 13. Susu Cap Junjung (pekat) | „ | 28. Bawang Merah | „ |
| 14. Milo | „ | 29. Bawang Besar | „ |
| 15. Horlick | „ | 30. Kacang Hijau | „ |
| 16. Mentega Golden Churn | „ | 31. Ubi Manis atau lain-lain jenis ubi | „ |
| 17. Jam (botol) | „ | 32. Kelapa tua | sebiji |
| 18. Kaya | „ | 33. Rokok 555 | satu batang |
| 19. Buah-buahan :— | | 34. Macis | satu kotak kecil |
| (a) Apple | sebiji | 35. Susu Everyday | satu pound |
| (b) Limau | „ | 36. Susu Nespray | „ |
| | | 37. Susu Lactogen | „ |
| | | 38. Susu Dumex | „ |

2. Pembekalan ini adalah untuk selama satu tahun mulai dari 1 Ogos, 1985 hingga 31 Julai, 1986.
3. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
4. Mutu dan banyaknya barang-barang yang dibekalkan itu mestilah memuaskan Penguasa, Pusat Tahanan, Jerudong dan jika barang-barang itu tidak memuaskan, maka ia akan dikembalikan kepada pembekal dan digantikan dengan yang baru atau yang lebih baik dengan harga yang sama. Ikan dan daging mestilah tidak termasuk tulang.
5. Semua barang-barang mestilah sampai ke Pusat Tahanan, Jerudong jam 7.30 pagi tiap-tiap hari.
6. Pembekal boleh diberhentikan atau memohon berhenti dengan salah satu pihak dengan memberi dua bulan notis secara bertulis.
7. Borang-borang tender bolehlah didapati dari Pejabat Pusat Tahanan, Jerudong pada tiap-tiap hari waktu pejabat dibuka.
8. Semua tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat dan berlak (SEALED) serta ditandakan dengan terang di atas sampul surat itu dengan bertulis "PEMBEKALAN MAKANAN UNTUK PUSAT TAHANAN, JERUDONG". Nama-nama pembekal tidak boleh ditulis di luar sampul surat.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah atau seumpamanya.

## JUALAN LELONG

ADALAH dengan ini diberi Notis iaitu jualan lelong barang-barang yang tersebut di dalam Jadual di bawah akan diadakan pada 23 dan 24 April, 1985.

Lelongan ini adalah bersyarat berikut:—

1. Pembeli yang berjaya hendaklah membayar dengan wang tunai dan memindahkan barang-barang yang dibelinya tidak lewat dari tujuh hari dari hari perlelongan.
2. Pembeli yang berjaya hendaklah juga membayar cukai kastam jika perlu.
3. Apa-apa barang yang telah dibeli tetapi tidak dipindahkan dalam tempoh tujuh hari tersebut akan dirampas kembali dan dijual semula.

### JADUAL

| Bil.: | Butir-butir Keterangan Benda | Tempat Lelong | Tarikh dan Masa Lelong |
|---|---|---|---|
| 1. | Harta benda tidak bertuan yang tidak dituntut. | Di Balai Polis, Daerah Brunei, B.S.B., Brunei. | 23 April, 1985 jam 9.00 pagi. |
| 2. | Perahu dan Enjin Rampasan Mahkamah. | Di Cawangan Merin Polis/Daerah Muara. | 24 April, 1985 jam 9.15 pagi. |

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL. : PPL/MTB/5/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'BX' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussa'am sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 24 April, 1985 bagi kerja-kerja berikut : —

NEW ELECTRICITY SUPPLY TO JERUDONG ISTANA STAFF HOUSING, JERUDONG VIA HIGH AND LOW VOLTAGE CABLE LAYING AND INSTALLATION OF A PACKAGE UNIT S/S.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, 18 April, 1985 pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $100.00.

BIL.· PPL/MTB/08/1985

Tajuk kerja: RAWATAN DAN PEMELIHARAAN LOGI HAWA DINGIN DI LOT No. B6 JALAN RAKIS & LOT No. 3A JALAN MALABAU, BANDAR SERI BEGAWAN.

Tarikh tutup: 1 Mei, 1985 (hari Rabu).

Jam: 12.30 tengah hari.

Kelayakan Pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

BIL.; PPL/MTB/11/1985

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 1 BLOK 8 UNIT BARIK, BAGI PEKERJA-PEKERJA SALURAN NAJIS DI JALAN KOTA BATU, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 24 April, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/MTB/12/1985

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK GUDANG KERTAS PUTIH BAGI JABATAN PERCETAKAN DI LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 24 April, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong Kelas "A" atau "B" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/MTB/13/1985

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 1 BLOK 6 UNIT KELAS "E" FLAT BAGI SEKOLAH MELAYU TANJONG MAYA, TUTONG.

Tarikh tutup: 24 April, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong Kelas "A" atau "B" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/MTB/15/1985

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK STOR-STOR DI MALABAU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 24 April, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

BIL.; PPL/MTB/16/1985

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK UBAHAN DAN TAMBAHAN BAGI MASJID KAMPONG JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 1 Mei, 1985 (hari Rabu).

Jam: 12.30 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/MTB/18/1958

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK MASJID DI KAMPONG BATU APOI, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 24 April, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/MTB/22/1985

Tajuk kerja: PEMASANGAN SATU RATUS ENAM (106) UNIT-UNIT PENGATUR HAWA DINGIN UNTUK CADANGAN RUMAH SAKIT BANGAR, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 1 Mei, 1985 (hari Rabu).

Jam: 12.30 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JABATAN PELAJARAN KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### KURSUS SIJIL PERGURUAN BAGI TAHUN 1985-1988 INSTITUT PENDIDIKAN SULTAN HASSANAL BOLKIAH BRUNEI

PEMOHON-pemohon yang berminat dan berkelayakan bagi mengikuti Kursus Sijil Perguruan di Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah selama tiga tahun, iaitu sesi Jun 1985-Jun 1988 adalah dipelawa untuk menghadapkan permohonan masing-masing.

2. JENIS KURSUS

Terdapat dua jenis kursus yang diadakan pada masa ini di Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah. Setiap pemohon bolehlah memilih dua pilihan iaitu pilihan utama dan pilihan kedua mengikut jenis kursus yang paling diminatinya. Walau bagaimanapun, keputusan muktamad adalah tergantung kepada Panel Pemilihan.

Kursus-kursus yang menjadi pilihan:—

(a) Kursus Menengah Bawah.

(b) Kursus Rendah.

3. SYARAT DAN KELAYAKAN

Hanya calon-calon yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat di bawah ini sahaja yang ditemuduga untuk dipertimbangkan:—

(a) Kerakyatan:

Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

(b) (i) Kelulusan Akademik:

Memiliki sekurang-kurangnya empat (4) kepujian dalam mata pelajaran peringkat biasa yang salah satu daripadanya Bahasa Melayu sama ada diperolehi dalam seka.i atau terkumpul dalam dua tahun berturut-turut dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge, Singapore-Cambridge (Aliran Inggeris) atau sebanding denagnnya.

(ii) Mereka yang mempunyai kelulusan Bahasa Melayu (pangkat lulus) dan 3 kredit dalam mata pelajaran Sains, Ilmu Hisab dan Bahasa Inggeris atau salah satu dari mata-mata pelajaran History, Geography, Economic, Commerce, Principle Accounts boleh juga diberi pertimbangan khas.

(c) Umur:

Tidak melebihi 30 tahun pada 1 Jun, 1985.

(d) Perjanjian:

Calon-calon yang terpilih dikehendaki menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dengan menyanggupi perkara-perkara di bawah ini:—

(i) Dia belum dan tidak akan berkahwin sepanjang masa berkursus (kecuali ada perubahan).

(ii) Dia dan/atau penjamin-penjamin sanggup membayar balik kepada Kerajaan dengan sepenuhnya semua kos yang digunakan untuk membiayai dirinya termasuk elaun yang diterimanya selama dia telah menjalani kursus tersebut, sekiranya dia diberhentikan atau berhenti yang bukan atas kehendak pihak Kerajaan.

(iii) Dia akan berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam kerjaya 'Guru' selama tidak kurang daripada lima (5) tahun selepas berkursus dan bersedia ditempatkan bertugas di mana-mana sekolah di Negara Brunei Darussalam.

(e) Sijil Kesihatan:

Mempunyai kesihatan badan yang memuaskan dan mendapat pengesahan dan pengakuan doktor yang diakui oleh Kerajaan.

4. KEMUDAHAN DAN ELAUN PENUNTUT

(a) Pemohon-pemohon yang terpilih memasuki Institut akan mendapat asrama penuh dengan makan/minum serta lain-lain kemudahan secara percuma.

(b) Mereka juga diberi elaun sara hidup seperti berikut:—

(i) Bagi Tahun I dan II — $290.00 sebulan

(ii) Bagi Tahun III — $320.00 sebulan

5. LANTIKAN

Mereka yang berjaya dan lulus dalam latihan tiga (3) tahun akan disokong menjadi guru terlatih dalam sukatan gaji G2 — 1050x(40)-1645x(40)-2165.

6. PERMOHONAN

(a) Semua permohonan hendaklah menggunakan borang khas yang dikeluarkan oleh Pejabat Pengarah Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Brunei.

(b) Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada penuntut-penuntut atau penuntut-penuntut yang baharu lulus dari Maktab/Sekolah Menengah Kerajaan pada tahun 1984 bolehlah mendapatkan borang permohonan dari Pengetua-pengetua Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab masing-masing. Pemohon-pemohon lain bolehlah mendapatkan borang permohonan dari Pejabat Pengarah Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Brunei.

(c) Semua borang permohonan hendaklah dikembalikan kepada Pengarah Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Brunei tidak lewat dari 29 April, 1985.

7. PERHATIAN

(a) Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mengambil Ujian Bahasa Inggeris Khas 'Special English Test' sebelum ditemuduga.

(b) Sebarang borang permohonan yang diterima dengan tidak disertakan dengan perkara-perkara yang dikehendaki atau tidak ditulis dengan lengkap atau tidak jelas, demikian juga permohonan yang terlewat sampai ke Pejabat Pengarah Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah dari tarikh yang dibadkan tidak akan dilayan.

## Pemberitahuan Tawaran Lembaga Bandaran Kuala Belait

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk membekalkan kenderaan-kenderaan bagi kepunyaan Lembaga Bandaran Kuala Belait:—

Membekalkan CIF Brunei:
SATU (1) BUAH 7-TON WHEELBASE FLATBED TRUCK
DUA (2) BUAH WHEEL-TRACTOR DAN GRASS-CUTTER

2. Keterangan lanjut mengenai dengan penentuan (specifications) bagi kenderaan-kenderaan ini bolehlah didapati dari Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait pada bila-bila masa pejabat dibuka.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang bertutup dan dialamatkan kepada:—

Pengerusi
Lembaga Tawaran,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Tingkat 4,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

dengan terang dinyatakan:—
MEMBEKALKAN KENDERAAN - KENDERAAN UNTUK PEJABAT LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT.

dengan tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan nama-nama penawar di sampul surat itu. Tawaran itu hendaklah dihantar tidak lewat daripada 22 April, 1985 jam 12.00 tengah hari. Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

4. Wang cengkeram sebanyak $200.00 hendaklah dibayar kepada Jabatan Bandaran Kuala Belait pada bila-bila masa pejabat dibuka.

5. Syarikat-syarikat yang menghantar tawaran mereka adalah dikehendaki menghantar katalog (gambar) jenis kenderaan tersebut yang ditawarkan beserta dengan butir-butir berikut:—

i) Tarikh sampai;
ii) Harga CIF Brunei
iii) Lama dalam jaminan
iv) Lain-lain hal, jika ada.

6. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.

## Pemberitahuan Tawaran Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam

Syarat-syarat Tawaran

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Jabatan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 22 April, 1985.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, bertulis dengan nama perkara yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pelajaran di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender). Bayaran balik cagaran tawaran bolehlah dituntut setelah keputusan tawaran berkenaan disiarkan. Resit salinan asal hendaklah disertakan.

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Harga yang ditawarkan mestilah harga C.I.F. dan pemborong-pemborong yang menghantarkan tawaran mereka hendaklah menyertakan katalog alat-alat yang ditawarkan.

8. Pembekal-pembekal yang berjaya akan dikehendaki menghantar alatan tersebut dibawa ke Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL.: JP/13/1985
Membekal dan Menghantar:
"EQUIPMENT FOR AUTOMATIVE SECTION"
Cagaran: $300.00.
Tarikh tutup: 22 April, 1985.

BIL.: JP/14/1985
Membekal dan Menghantar:
"EQUIPMENT FOR ELECTRICAL SECTION"
Cagaran: $300.00.
Tarikh tutup: 22 April, 1985.

BIL.: JP/15/1985
Membekal dan Menghantar:
"EQUIPMENT FOR FABRICATION SECTION"
Cagaran: $200.00
Tarikh tutup: 22 April, 1985.

BIL.: JP/16/1985
Membekal dan Menghantar:
"EQUIPMENT FOR REFRIGERATION SECTION"
Cagaran: $100.00.
Tarikh tutup: 22 April, 1985.

BIL.: JP/17/1985
Membekal dan Menghantar:
"EQUIPMENT FOR TECHNICAL EDUCATION COUNCIL (TEC) COURSE"
Cagaran: $300.00.
Tarikh tutup: 22 April, 1985.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-syarat Tawaran

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 13 Mei, 1985.

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran ini.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1230 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

BIL: PROC/T/106/85
MEMBEKAL:
TRUCK REFUSE 4 × 2 RHD
Cagaran: $500.00.

BIL: PROC/T/107/85
MEMBEKAL:
TRUCK 4 TON FIRE FIGHTING
Cagaran: $500.00.

BIL: PROC/T/108/85
MEMBEKAL:
COACH 42 SEATER RHD
Cagaran: $500.00.

BIL: PROC/T/109/85
MEMBEKAL:
MINI BUS 15 SEATER RHD
Cagaran: $500.00.

BIL: PROC/T/110/85
MEMBEKAL:
DISEL FORK LIFT TRUCK (GENERAL USE)
Cagaran: $500.00.

BIL: PROC/T/111/85
MEMBEKAL:
BEDFORD AMBULANCE RHD
Cagaran: $500.00.

BIL: P/RC/45
MEMBEKAL:
GLASS FIBRE (2 YEARS RUNNING CONTRACT)
Cagaran: $300.00.

BIL: PROC/T/112/85
MEMBEKAL:
2 UNITS DUMPER TRUCK
Cagaran: $200.00.

BIL: PROC/T/113/85
MEMBEKAL:
TRUCK 4 × 4 MEDIUM TIPPER RHD
Cagaran: $500.00.

BIL: PROC/T/114/85
MEMBEKAL:
CRANE ROUGH TERRAIN
Cagaran: $500.00.

BIL: PROC/T/115/85
MEMBEKAL:
MUSICAL INSTRUMENT
Cagaran: $100.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PELAJARAN, KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KESIHATAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Jabatan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 29 April, 1985.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, bertulis dengan nama PERKARA yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pelajaran, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender). Bayaran balik cagaran tawaran bolehlah dituntut setelah keputusan tawaran berkenaan disiarkan. Resit salinan asal hendaklah disertakan.

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Harga yang ditawarkan mestilah harga C.I.F. dan pemborong-pemborong yang menghantar tawaran mereka hendaklah menyertakan katalog alat-alat yang ditawarkan.

8. Pembekal-pembekal yang berjaya akan dikehendaki menghantar alat-alat yang tersebut di atas ke Sekolah-Sekolah Menengah yang memerlukan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JP/19/1985
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ALATAN ART DAN CRAFT
Cagaran: $200.00.

BIL: JP/20/1985
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KAYU YANG SUDAH/BELUM DIKETAM
Cagaran: $3?0.00.

BIL: JP/22/1985
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ALATAN PERTUKANGAN KAYU
Cagaran: $500.00.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: KB 47 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK No.: 85AB/17100
MEMBESARKAN SERTA MENGHUBUNGKAN SALURAN NAJIS DI KAWASAN PERUMAHAN GURU-GURU SEKOLAH INGGERIS PERDANA WAZIR DENGAN SEKOLAH KEJURUTERAAN JEFRI BOLKIAH, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 April, 1985.

Tarikh tutup: 22 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: KB 48 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" untuk:

POJEK No.: 85AB/17000
SISTEM MENINGGIKAN KAWASAN YANG DIBANJARI BAGI MANHOLE SALURAN NAJIS DI KUALA BELAIT DAN SERIA.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 April, 1985.

Tarikh tutup: 24 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: KB 49 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' untuk:

PROJEK No.: 85AB/13901
MENUKAR ATAP UNTUK MAKTAB ANTHONY ABELL, SERIA.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 April, 1985.

Tarikh tutup: 24 April, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: KB 50 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL028
MEMBUAT TANDAS TEMPAT TINGGAL RUMAH GURU-GURU SEMENTARA SEKOLAH MELAYU LABI, ULU BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 April, 1985.

Tarikh tutup: 24 April, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: KB 51 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" untuk:

PROJEK No.:
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BAHAGIAN LUAR DAN DALAM BANGUNAN MASJID No. 46, SUNGAI LIANG, SERIA.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 April, 1985.

Tarikh tutup: 24 April, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: KB 52 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' untuk:

PROJEK No.:
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA LUAR DAN DALAM BANGUNAN MASJID No. 24 LABI, ULU BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 April, 1985.

Tarikh tutup: 24 April, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

* * *

### Perhatian

Tawaran ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 22 April, 1985.

* * *

Tawaran ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 24 April, 1985.

* * *

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PELAJARAN, KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KESIHATAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Jabatan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 29 April, 1985, bagi; Membekal dan memasang alat-alat seperti berikut:—

ELECTRONIC MICRO-FILM SYSTEM (MICRO-GRAPHICS) COMPRISINB OF:—
i) Document Camera
ii) Page Search Reader & Printer
iii) Automated retrieval and Storage System.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, bertulis dengan nama PERKARA yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Syarikat-syarikat yang ingin menyertai tawaran tersebut mestilah berpengkalan tempatan (localy base) dan berkemampuan menyediakan bantuan teknikal serta pemeliharaan ke atas alat-alat berkenaan.
5. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pelajaran, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
6. Cagaran tawaran adalah dikehendaki sebanyak $500.00 dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender).
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Harga yang ditawarkan mestilah harga C.I.F. dan syarikat-syarikat yang menghantar tawaran mereka hendaklah menyertakan katalog alat-alat yang ditawarkan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL.: PPL/MTB/10/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK PUSAT KEMASYARAKATAN DI KAMPONG MENANGAH, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 24 April, 1985 (hari Rabu).
Cengkeram: $100.00.
Jam: 12.30 tengah hari.
Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/17/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK PENAMBAHAN BANGUNAN BARU KELAS "E', IBU PEJABAT PENJARA JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 24 April, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.
Cengkeram: $200.00.
Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/23/1985**

Tajuk kerja: MEMBEKALKAN DUA BUAH TRUCK MOUNTED AERIAL PLATFORM UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 22 April, 1985 jam 12.00 tengah hari.
Cengkeram: $200.00.
Kelayakan pemborong: Pembekal yang diiktirafkan sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

## TAWARAN JABATAN UKUR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Jabatan Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 15 April, 1985 bagi membuat dan membekalkan pakaian seragam pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

PERKARA 1:—
24 pasang 'Bush Jacket' (untuk 12 orang pegawai-pegawai dan penyelia-penyelia luar Ukur) mengandungi 24 helai seluar panjang dan 24 helai 'Bush Jacket' — kain warna kuning.

PERKARA 2:—
70 pasang 'Bush Jacket' (untuk 35 orang pegawai-pegawai Ukur) mengandungi 70 helai seluar panjang dan 70 helai 'Bush Jaket — kain warna kelabu (grey).

PERKARA 3:—
400 pasang seluar panjang dan baju panjang tangan (untuk 200 orang pegawai-pegawai luar, 'Driver-driver', Mandor-mandor dan Buruh Bergaji Hari (kerja luar) mengandungi 400 helai seluar panjang dan 400 helai baju panjang tangan — kain warna kelabu (grey).

2. Pembekal-pembekal hendaklah memberi tawaran harga tiap-tiap satu pasang jenis uniform dan jumlah harga semuanya serta menyatakan lama boleh disiapkan. Keterangan lanjut tawaran dan jenis kain bolehlah diperolehi daripada Juruukur Agung, Jabatan Ukur, Bangunan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam, Lapangan Terbang Lama Berakas.
3. Tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat tertutup dengan perkataan "TAWARAN MEMBEKALKAN UNIFORM JABATAN UKUR, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" di bahagian atas sebelah kiri tanpa tanda-tanda menunjukkan nama atau alamat pihak menawarkan dan alamatkan kepada:—

   Pengerusi
   Lembaga Tawaran,
   d/a. Kementerian Kewangan,
   Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei
   Darussalam.

   Dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 13 Mei, 1985.
4. Kerajaan tidak terikat kepada mana-mana tawaran yang paling rendah.

## NOTIS TAWARAN JABATAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA

TAWARAN-tawaran adalah dijemput bagi menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis-najis (night-soil) sebanyak 274 tong di da'am kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan 299 tong di dalam kawasan Lembaga Bandaran Seria pada sebelah malam bagi enam bulan (Julai-Disember 1985).

2. Tawaran-tawaran mestilah dia amatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 22 April, 1985. Tawaran yang diterima sesudah tarikh atau waktu ini akan ditolak.
3. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul-sampul surat biasa yang bertutup. Maka dimuka sampul surat itu tidaklah boleh dibuat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.
4. Sampul-sampul surat itu mestilah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran (alamat penuh seperti diterangkan di fasal 2).
5. Kerja yang ditawarkan mestilah disebutkan dengan terang di atas sampul surat itu dan perkataannya mestilah "PEKERJAAN MENGANGKAT DAN MEMBUANG NAJIS DI DALAM KAWASAN-KAWASAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA". Tawaran-tawaran yang diterima dalam sampul-sampul surat yang tidak dialamatkan dengan betul akan ditolak.
6. Surat perjanjian mengandungi peraturan-peraturan atas menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis dapat dilihat di Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait, pada bila-bila masa bekerja.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah atau sebarang tawaran.
8. Dua buah kenderaan khas dengan dua orang pemandu akan disediakan oleh Jabatan Lembaga Bandaran Belait untuk melaksanaan pekerjaan mengangkat dan membuang najis itu dengan tidak dikenakan apa-apa bayaran.

## TAWARAN JABATAN PERTANIAN

TAWARAN-tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada hari Isnin 6 Mei, 1985 bagi:—

PEMBEKALAN 2000 GULUNG KE ATAS DAWAI BERDURI JENIS 12 GUAGE, GALVANISED, 3 — INCI 'BARB SPACE', 2 PLY, BERAT MINIMA 55 PAUN SEGULUNG DAN PANJANG MINIMA 540 KAKI SEGULUNG.

2. Lembaga Tawaran hanya akan menerima tawaran-tawaran yang datangnya dari Peti Tawaran sahaja dan tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan:—

   "SULIT — PEMBEKALAN 2000 GULUNG KE ATAS DAWAI BERDURI — JABATAN PERTANIAN — TARIKH TUTUP 6 MEI, 1985".
4. Tawaran-tawaran hendaklah menyatakan harga segulung sampai ke Stor Pertanian Jerudong dan tarikh sampai penghantarannya.
5. Kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: 107 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD406/0801
CADANGAN SEKOLAH MENENGAH KIUDANG DI JALAN ABANG, MUKIM KIUDANG, DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Mei, 1985.
Tarikh tutup: 6 Mei, 1985
Cagaran tawaran: $5,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 108 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" dan "B" (Pemasang Elektrik) untuk:

PROJEK No.: AD423/0401
SUBKONTRAK YANG DICALONKAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK UNTUK PEMULIHAN KEROSAKAN KEBAKARAN KEPADA MESS PEGAWAI PERKHEMAHAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 April, 1985.
Tarikh tutup: 22 April, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 109 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD424/1601
GELANGGANG SQUASH BARU DI PERKHEMAHAN BOLKIAH, JALAN BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Mei, 1985.
Tarikh tutup: 6 Mei, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 110 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AR/09900
MENGHANTAR BAHAN-BAHAN DALAM KAWASAN DAERAH-DAERAH BANDAR SERI BEGAWAN/MUARA DAN TUTONG (1985-1986) UNTUK SATU TAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 April, 1985.
Tarikh tutup: 22 April, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: 111 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/15100
CADANGAN TAPAK JALAN KAKI UNTUK JAMBATAN SUNGAI TUTONG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 peatng hari Khamis 25 April, 1985.
Tarikh tutup: 29 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 112 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AW/001
MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG 300 MM. GARIS PUSAT PAIP BESI MULOR SPUN SEPANJANG JALAN GADONG DARI BATU 2½ JALAN GADONG KE SIMPANG JALAN MATA-MATA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 18 April, 1985.
Tarikh tutup: 22 April, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 113 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/JTB002
PEMBAHARUAN PEJABAT AWAM BAGI PANGGILAN SEBERANG LAUT DI PEJABAT BESAR POS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 April, 1985.
Tarikh tutup: 24 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 114 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AW/00717
PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN CISTERMISER AUTO-FLASH VALVE.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 April, 1985.
Tarikh tutup: 24 April, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: 115 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AD/18600
PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN ALAT PERHUBUNGAN RADIO UNTUK JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 April, 1985.
Tarikh tutup: 24 April, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: 116 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AR/00500
MEMBUAT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENDIRIKAN PAPAN TANDA LALULINTAS DALAM KAWASAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA, TUTONG DAN TEMBURONG BAGI TEMPOH SATU TAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 April, 1985
Tarikh tutup: 1 Mei, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: 117 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas (Pemborong Hawa Dingin) untuk:

PROJEK No: AD426/2201
PEMASANGAN HAWA DINGIN UNTUK CADANGAN BLOK-BLOK BARIK BARU (KOMPLEKS COY PENGAMBILAN) DI PENANJONG UNTUK ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 April, 1985
Tarikh tutup: 1 Mei, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 118 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong tempatan yang ahli dalam kerja-kerja perlaksanaan kolam berenang untuk:

PROJEK No.: AD414/0123
PEMASANGAN FILTER KOLAM BERENANG DAN PAM UNTUK CADANGAN RUMAH DI PLOT No. 2 UNTUK PERUMAHAN KERAJAAN (PERINGKAT 2) KAMPONG BERIBI, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 27 April, 1985.
Tarikh tutup: 1 Mei, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 119 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/00951
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SEKOLAH MELAYU MENGLAIT GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 April, 1985.
Tarikh tutup: 24 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: 120 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/13822
PEMBINAAN DINDING SEMPADAN DAN PAGAR CHAIN LINK DI S.T.P.R.I., NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 April, 1985.
Tarikh tutup: 24 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 121 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/14103
KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SEKOLAH RENDAH KERAJAAN DATO GODAM, KAMPONG SUNGAI KEDAYAN 'A', NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 April, 1985.
Tarikh tutup: 24 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: 122 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/JUB006
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA MAKAM SULTAN BOLKIAH, JALAN KOTA BATU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 April, 1985.
Tarikh tutup: 24 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: 123 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL052
PEMBINAAN PAGAR CHAIN LINK YANG BIASA 6' TINGGI BAGI SEKOLAH MELAYU PENANJONG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 April, 1985.
Tarikh tutup: 24 April, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 124 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL057
PEMBINAAN PAGAR CHAIN LINK YANG BIASA 6' TINGGI BAGI SEKOLAH MELAYU RAMBAI, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 April, 1985.
Tarikh tutup: 24 April, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 125 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL051
PEMBINAAN PAGAR CHAIN LINK YANG BIASA 6' TINGGI BAGI SEKOLAH MELAYU LAMUNIN, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 April, 1985.
Tarikh tutup: 24 April, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 126 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK 85AB/PEL050
PEMBINAAN PAGAR CHAIN LINK YANG BIASA 6' TINGGI BAGI SEKOLAH MELAYU BUKIT PANGGAL, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20 April, 1985.
Tarikh tutup: 24 April, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

# PENGELUARAN DAGING AYAM BERTAMBAH 2,800 TAN

BERAKAS. — Hasil pengeluaran daging ayam tempatan sejak tahun 1980 hingga sekarang telah bertambah daripada 1,900 metrik tan kepada 2,800 metrik tan.

Oleh Jaafar Ibrahim

Manakala penghasilan telur tempatan juga telah meningkat iaitu dari 18½ juta biji dalam tahun 1980 kepada 32½ juta biji dalam tahun 1984.

Setiausaha Tetap (Teknikal) Kementerian Pembangunan, Pengiran Dr Ismail bin Pengiran Haji Damit berkata ianya telah dapat menampung 70 peratus keperluan tempatan dari segi pengeluaran telur dan 75 peratus dari pengeluaran daging ayam.

Mengumumkan demikian ketika berucap sejurus sebelum merasmikan Pelancaran Sistem Pengembangan Pertanian Latihan dan Lawatan bertempat di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini pada hari Isnin lepas, Pengiran Dr Ismail selanjutnya menyatakan yang pengeluaran anak ayam tempatan di masa kini telah mencapai kepada 40 peratus.

**PERINGKAT PERALIHAN**

Pengeluaran pokok buah-buahan tempatan, jelas Pengiran Dr Ismail juga sedang dalam peringkat peralihan kemajuan yang lebih pesat. Sebanyak 4,584 anak pokok buah-buahan seperti rambutan, durian, limau, mangga, kelapa dan sebagainya telah dibiakkan di stesen-stesen Batang Mitus, Tanah Jambu dan Lumapas, pada tahun 1982 dan meningkat 48 peratus atau berjumlah 8,556 dalam tahun 1984.

Setiausaha Tetap (Teknikal) Kementerian Pembangunan seterusnya memberitahu bahawa sebanyak kira-kira 2,300 anak pokok pisang telah dibekalkan kepada peladang-peladang tempatan pada tahun lalu.

"Walaupun nampak bilangan ini terlalu kecil akan tetapi jika dibandingkan dengan bilangan peladang separuh masa, yang terdiri daripada orang-orang tempatan yang jumlahnya sangat berkurangan perkhidmatan ini bolehlah dianggap memuaskan," tegas beliau.

Katanya sumbangan Jabatan Pertanian dalam mengeluarkan biji benih sayuran untuk diberikan percuma kepada peladang-peladang telah juga meningkat jumlahnya dari satu metrik tan 1982 kepada 1.5 metrik tan dalam tahun 1984.

Walau bagaimanapun jelas Pengiran Dr Ismail, dari beberapa sektor pertanian kita masih lagi menghadapi kekurangan dan pengeluaran yang jauh dari yang kita citacitakan.

**MENURUN**

Misalnya, kata beliau keluasan tanaman termasuk kawasan padi telah menurun di beberapa tahun yang kebelakangan ini. Pada tahun 1970 keluasan kawasan padi berjumlah 9,000 ekar tetapi dalam tahun 1984 ianya telah menurun lebih kurang 3,000 ekar.

"Peladang - peladang bumiputera dari setahun ke setahun makin berkurangan," tegas beliau.

Ke arah itulah katanya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa terus berusaha bagi meningkatkan sumbangan dan perkhidmatan Jabatan Pertanian dalam memperkembangkan dan memperkukuhkan sektor pertanian sebagai memperkukuhkan lagi ekonomi negara.



GONG dipalu sebagai tanda pelancaran sistem Pengembangan Pertanian Latihan dan Lawatan dilakukan oleh Pg. Dr Ismail. Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Melalui sistem 2L(Latihan dan Lawatan) kata Pengiran Dr Ismail, kita akan dapat mengurangkan beban dan masalah yang sedang dihadapi di masa kini.

"Dengan latihan dan lawatan yang teratur kita akan dapat meningkatkan penghasilan tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, daging dan beras dengan menggunakan teknologi pertanian yang disalurkan oleh pegawai-pegawai perkembangan di Jabatan Pertanian," tegasnya.

Menurut beliau, dengan itu nanti kita tidak akan lagi sentiasa bergantung kepada pengimportan bahan-bahan makanan yang diperlukan dari luar negeri.

**HARAPAN**

Beliau di majlis itu juga telah melahirkan harapan agar kawasan-kawasan ladang yang ditinggalkan terbiar akan dapat dipulihkan dengan adanya sistem 2L ini dan menambah bilangan peladang di semua sektor pertanian.

"Adalah juga dihasratkan, keluasan tanaman akan dapat dipertingkatkan lagi dari keluasan yang ada pada masa ini," katanya.

## Sebagai Polis Wanita

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasukan Polis Diraja Brunei mempelawa pemudi-pemudi di negara ini untuk berkhidmat sebagai anggota Polis Wanita (Konstabel).

Pemohon-pemohon mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, berumur di antara 18 dan 28 tahun bujang dan berbadan sihat. Tinggi tidak kurang dari 5 kaki 2 inci.

Pemohon-pemohon mestilah lulus Menengah Melayu atau Inggeris. Keutamaan akan diberi kepada mereka yang mempunyai kelulusan akademik yang lebih tinggi.

Pemohon-pemohon yang berminat menceburi kerjaya ini diminta hadir untuk ditemuduga pada tarikh-tarikh dan tempat-tempat yang disebutkan di bawah ini :—

Di Balai Polis Pusat Bandar Seri Begawan pada 22 dan 23 April mulai jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 2.00 petang hingga 4.30 petang.

Di Ibu Pejabat Polis Daerah Belait, Lorong 14, Panaga Seria pada 25 April, dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 hingga 4.30 petang.

Pemohon-pemohon untuk menghadiri temuduga itu mestilah membawa sijil-sijil persekolahan dan lain-lain surat yang berkenaan.

Dari muka 1

Awang Husain bin Awang Ahmad @ Hussin bin Ahmad (028615 K), Ibrahim bin Ahmad (001819 K), Pengiran Yusof bin Pengiran Ahmad (031254 K), Pengiran Haji Tajuddin bin Pengiran Haji Buntar (A 0399 A), Pengiran Sabtu bin Pengiran Badar (034265 K), Maidin bin Tudin (026444 K), Abd Rani bin Idris (P 504 P), Sulaiman bin Rais (P 256 P), Awang Salleh bin Haji Awang Samat (037430 K), Awang Mohd Jidin bin Abdullah (003326 K), Haji Hamid bin Haji Salleh (017755 K), Pengiran Metusin bin Pengiran Tuah (033607 K), Salim bin Othman (028192 K).

Merikan bin Abun @ Yunos bin Abdullah (028173 K), Chuchu bin Kambar (A 02637 A), Tahir bin Haji Jumat (018036 K), Awang Umar bin Mustapa ( 077424 K), Haji Mokim bin Haji Hassan (026209 K), Budin bin Alus (A 1087 A), Pengiran Metassan bin Pengiran Haji Ahmad @ Pengiran Hassan (023532 K), Mohamad bin Haji Bagul (018399 K), Arsad bin Haji Besar (010178 K), Sahat bin Matnoor (020310 K), Mat Daud bin Taha @ Md Daud (004920 K), Hassan bin Bakar (020268 K), Zaini bin Pehin Bendahari Haji Omar (041750 K), Pengiran Othman bin Pegiran Mohd Yusof (005877 K).

Bajini bin Japar @ Bony bin Japar (064932 K), Matussin bin Moktar (A 0919 A), Awang Haji Mohd Taha bin Awang Ahmad (030688 K), Awang Ahmad bin Ismail (015193 K), Awang Idris bin Daud (000644 K), Haji Abd Hadi bin Haji Jaya (120912 K), Mohd Yassin bin Tengah (038116 K), Pengiran Haji Anak Hassan bin Pengiran Besar Bagul (A 0034 A), Pengiran Marali @ Pengiran Merali bin Pengiran Tengah (114180 K).

# 2L DI HARAP TINGKATKAN HASIL PERTANIAN — Awang Danial

BERAKAS. — Pengarah Pertanian, Awang Danial Haji Hanafiah berkata, Sistem 2L (Latihan dan Lawatan) boleh memperbaiki sistem kerja Pegawai Pengembangan di mana melaluinya peladang serta penternak akan menerima hasil penyelidikan pertanian, selanjutnya memudahkan mereka mengusahakan bidang tersebut.

Katanya, sistem baru itu bukanlah bertujuan menjamin hasil pendapatan yang setanding dengan usaha lain, tetapi hanyalah satu kepastian iaitu penglibatan penduduk negara ini dalam bidang pertanian akan memberikan keteguhan ekonomi negara.

Berucap di Majlis Perasmian Pelancaran Sistem Pengembangan Pertanian Latihan dan Lawatan beliau menyeru pegawai-pegawai di jabatan tersebut untuk samasama memahami hasrat kerajaan ke atas tujuan dan peranan dalam sistem perkhidmatan yang baru itu.

Pembisaian yang kita usahakan itu jelasnya, akan lebih bererti apabila adanya sambutan positif daripada kaum petani dengan kerjasama penghulu, ketua kampung, serta tuai rumah menyebarkan hasrat jabatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

"Mereka inilah yang boleh membantu Jabatan Pertanian

Oleh Ahat Ismail

dalam mempengaruhi penduduk kampung untuk mengusahakan tanah dan sekitar halaman rumah mereka dengan apa jua jenis tanaman dan ternakan," ujarnya.

**SANGAT BESAR**

Seterusnya beliau menyatakan sumbangan penduduk ke arah itu walaupun secara kecil-kecilan, adalah sangat besar ertinya bila sumbangan tersebut dicantumkan dengan penglibatan keseluruhan penduduk negara ini.

Beliau memberitahu langkah pertama jabatannya ialah menyusun semula pentadbiran untuk memberikan tanggungjawab kepada pegawai tempatan memainkan peranan aktif dalam perkembangan pertanian di negara ini. Langkah kedua ialah mengwujudkan sistem perkhidmatan yang efsien di mana sistem yang baru ini adalah hasil dan kesan dari penyusunan pentadbiran jabatan itu.

Menyentuh mengenai sistem 2L ini, ianya adalah pertama kali dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian dan sudah lama dikendalikan di negara-negara yang sedang membangun. Penerapan konsep ini telah diperolehi



AWANG Danial

oleh beberapa orang pegawai pertanian yang berkursus ke negara-negara ASEAN di mana sistem ini telah digunakan dengan jayanya.

Sistem 2L ini bertujuan untuk memperkemaskan dan memperkukuhkan perkhidmatan pengembangan bagi meningkatkan hasil pengeluaran ladang bagi peladang-peladang di negara ini, selaras dengan matlamat Pertanian Negara yang bertujuan untuk memaksimakan pendapatan dari ladang melalui agensi-agensi pengembangan, penyelidikan dan latihan.

Melalui latihan dan lawatan yang bersistematik, pegawai-pegawai pengembangan akan dapat memindahkan makluman serta teknologi dengan lebih efektif kepada para peladang di seluruh negara.

## MB Terengganu membuat kunjungan hormat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima kunjungan hormat Menteri Besar Terengganu Yang Amat Berhormat Datu Amar Haji Wan Mokhtar pada hari Isnin lepas di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di sini.

Terdahulu dari itu, Yang Amat Berhormat Datuk Amar Haji Wan Mokhtar telah mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz di Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.

Semalam, Yang Amat Berhormat telah mengadakan perjumpaan dengan Menteri Pembangunan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman di Kementerian Pembangunan. Sebelum itu, Yang Amat Berhormat telah membuat lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di Jalan Residency.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu dijangka berlepas pulang petang ini, setelah mengadakan lawatan selama tiga hari ke negara ini. Sebelum berlepas pulang, Yang Amat Berhormat juga mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan di Kementerian Kewangan di Ibu Negara, dan Pengarah Unit Petroleum di bangunan lama Setiausaha Kerajaan.

Dari muka 1

pemborong diperdekatkan kepada beberapa program kertas kerja berkenaan dengan pengawasan kerja-kerja mengkonkrit, menggunakan bahan konkrit dan kimia dan kerja-kerja setakat mengkonkrit.

Dalam pada itu kursus yang melibatkan jabatan-jabatan kerajaan ini juga merupakan salah satu dasar pihak Kementerian Pembangunan dalam melibatkan jabatan-jabatan berkenaan dalam aktiviti serupa itu.

Dalam kursus itu juga diadakan satu majlis dialog di antara para peserta dengan pegawai-pegawai kanan Jabatan Kerja Raya, khusus untuk menimbulkan beberapa persoalan di sepanjang seminar dan masalah yang berbangkit berkenaan dengan kerja-kerja pemborongan.

Di akhir majlis penutup kursus itu telah disempurnakan dengan upacara penyampaian sijil-sijil kepada pemborong-pemborong oleh Awang Baharuddin Dato Haji Talib Pegawai Latihan Kanan Jabatan Kerja Raya. — JOE.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.